

Bil. 81

**Khamis
11 Disember 1997**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEMBILAN
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT KETIGA**

KANDUNGAN

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA

Mesyuarat Dewan Rakyat – Penambahan Hari (Ruangan 1)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

(Ruangan 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perindustrian Sekuriti
Luar Pesisir Labuan 1997 (Ruangan 16)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Mohamed Zahir bin Haji Ismail, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu)

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)

“ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak)

“ Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)

“ Menteri Penerangan, Dato' Mohamed bin Rahmat, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)

“ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)

“ Menteri Sumber Manusia, Dato' Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)

“ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)

“ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

“ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.P. (Gopeng)

Yang Berhormat Menteri Pertahanan, Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)

- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak)
- “ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.M.J., P.I.S. (Bakri)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Ong Tee Keat, S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato' Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)

Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)

- “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tuan Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Dato' Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Ong Ka Ting D.P.M.P. (Pontian)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)

Yang Berhormat Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)

- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Tuan Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Tuan Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Chor Chee Heung (Alor Setar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria (Jerantut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)

- “ Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)
- “ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)
- “ Yang Berhormat Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said (Kuala Nerus)
- “ Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)
- “ Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
- “ Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
- “ Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)
- “ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
- “ Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
- “ Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)
- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “ Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K.(Yan)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)

Yang Berhormat Dato' Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)

- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tun Daim bin Haji Zainuddin, S.P.M.S., S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Dato Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato' Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Dato' Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak (Kota Bharu)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato' Jamaluddin bin Adnan (Kuala Selangor)
- “ Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun Anak Punga, P.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Joseph Pairin Kitingan (Keningau)
- “ Dato' Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan Kamarudin bin Ahmad (Arau)
- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)

Yang Berhormat Tuan Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)

- “ Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
- “ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
- “ Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
- “ Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)
- “ Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
- “ Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Dato' Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
- “ Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
- “ Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)
- “ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
- “ Tuan Mohamed Khaled bin Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)
- “ Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
- “ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)
- “ Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)

Yang Berhormat Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson (Teluk Intan)

- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paul Noutin, A.D.K. (Penampang)
- “ Tuan Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “ Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Rohani binti Haji Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Dato' Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
- “ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “ Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
- “ Datuk S'ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)
- “ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- “ Tuan Tiong Thai King (Lanang)
- “ Tuan Tue Si @ Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)

Yang Berhormat Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)

- “ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
- “ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Dato' Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “ Tuan Yunof Edward Marinking (Tuaran)
- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, A.D.K. (Sipitang)
- “ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)
- “ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)
- “ Dato' Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah)

**DEWAN RAKYAT
PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

- Setiausaha Dewan Rakyat : Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Ali,
D.P.M.T., A.M.N., P.J.K., A.M.S.,
S.M.T., A.S.D.K., P.S.D.
- Penolong Setiausaha Kanan : Zamani bin Haji Sulaiman
- Penolong Setiausaha : Haji Mustakin bin Selamat
: Puan Nor Hayatee binti Abdullah

CAWANGAN DOKUMENTASI

- Pegawai Penerbitan : Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan
- Pelapor Perbahasan Parlimen : Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop,
P.P.N.
Mohd Saleh bin Mohd. Yusop
Hajah Supiah binti Dewak
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Shamsina binti Janor
- Pembaca Pruf : Abu Bakar bin Hassan

CAWANGAN BENTARA

- Bentara Mesyuarat : Lt. Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul
Mutalib
Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
Mejar (B) Zakaria bin Salleh

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Khamis, 11 Disember 1997

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**PEMASYHURAN OLEH TUAN YANG DI-PERTUA****Mesyuarat Dewan Rakyat – Penambahan Hari**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini bahawa saya telah menerima satu perutusan daripada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri selaku Timbalan Ketua Majlis supaya Mesyuarat Dewan Rakyat dilanjutkan empat hari lagi, iaitu pada hari Isnin 15 Disember 1997 sehingga hari Khamis, 18 Disember 1997 untuk memberi masa yang lebih lagi bagi Dewan Rakyat membahas rang undang-undang yang dibentangkan oleh kerajaan menurut Peraturan Mesyuarat 4(2) Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat.

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**PASUKAN WATANIAH - JUMLAH DI SELURUH NEGARA**

1. **Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman [Sungai Benut]** minta Menteri Pertahanan menyatakan jumlah ahli-ahli Pasukan Wataniah di seluruh negara mengikut pecahan negeri-negeri. Apakah bentuk latihan yang diberikan dan langkah-langkah yang diambil untuk menggalakkan supaya ramai remaja menganggotai pasukan sukarela ini dan apakah bentuk kemudahan-kemudahan yang diberikan bagi penubuhan pasukan ini.

Menteri Pertahanan [Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pasukan Simpanan Negara terbahagi kepada dua, iaitu Pasukan Simpanan Tetap dan Pasukan Sukarela (Pasukan Wataniah). Merujuk kepada soalan Ahli Yang Berhormat, Pasukan Sukarela, iaitu Pasukan Wataniah terbahagi kepada tiga pasukan, iaitu Pasukan Wataniah Tentera Darat, Pasukan Simpanan Sukarela TLDM dan anggota Simpanan TUDM. Jumlah anggota Pasukan Wataniah Tentera Darat mengikut pecahan negeri adalah seperti berikut:-

Negeri		Bilangan Anggota
Johor	-	3,037 anggota.
Kuala Lumpur	-	5,522 anggota.
Selangor	-	1,728 anggota.
Perak	-	4,290 anggota.
Perlis	-	2,312 anggota.
Kedah	-	1,251 anggota.
Pahang	-	5,099 anggota.
Kelantan	-	3,809 anggota.
Sabah	-	2,316 anggota.
Negeri Sembilan	-	2,012 anggota.

Melaka	-	842 anggota.
Pulau Pinang	-	3,268 anggota.
Sarawak	-	2,963 anggota.
Terengganu	-	3,294 anggota.
Lain-lain kerahan	-	2,548 anggota.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh aspek latihan Angkatan Tentera Malaysia sememangnya mempunyai beberapa bentuk latihan yang dirangka selaras dengan keperluan ketiga-tiga unit ATM seperti latihan tempatan, iaitu latihan yang diadakan pada setiap hujung minggu dan latihan lanjutan, iaitu latihan yang diadakan secara berterusan untuk satu jangka masa yang telah ditetapkan mengikut unit masing-masing dan latihan tahunan, iaitu kemuncak kepada keseluruhan latihan. Lazimnya latihan tahunan ini diadakan pada setiap penghujung tahun. Jangka masa bagi latihan-latihan tersebut adalah berbeza di antara ketiga-tiga unit ATM.

Bagi menggalakkan supaya ramai remaja mengikut Pasukan Sukarela ini pelbagai bentuk galakan telah diperkenalkan oleh kerajaan khususnya ATM. Antaranya ialah menyusun semula bentuk latihan kepada anggota Simpanan ATM; menawarkan kadar elaun yang lebih menarik; menyebarkan maklumat berhubung perkhidmatan ATM; dan mengadakan beberapa aktiviti bersama masyarakat seperti projek anak angkat dan sebagainya.

Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Biasanya bagi menggalakkan satu-satu aktiviti sukarela itu di negeri-negeri, peranan ketua menteri dan menteri-menteri besar amatlah penting. Jadi, saya ingin tahu semenjak kita menggalakkan penubuhan Pasukan Wataniah dan Pasukan Sukarela ini, saya ingin tahu sejauh manakah peranan ataupun sambutan yang telah ditunjukkan oleh menteri-menteri besar dan juga ketua-ketua menteri di peringkat negeri-negeri dan saya difahamkan ada menteri-menteri besar telah dikurniakan pangkat kehormat untuk mengetuai Pasukan-pasukan Wataniah. Jadi, saya ingin tahu setakat ini berapa orangkah yang telah diberikan anugerah kehormat?

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, secara keseluruhannya kita dapat sokongan yang amat baik sekali daripada menteri-menteri besar dan ketua-ketua menteri. Untuk pengetahuan Yang Berhormat dari Sungai Benut buat masa ini mereka yang telah diberikan pangkat kehormat, Kolonel Kehormat adalah Menteri Besar Negeri Perlis, Negeri Sembilan, Negeri Perak dan yang lain-lain dalam proses untuk kita melaksanakannya.

Dr. L. Krishnan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada bentuk latihan yang diberi kepada ahli-ahli Pasukan Wataniah ini memanglah akan meningkatkan disiplin dan kecekapan kepada ahli-ahli termasuk remaja yang mengambil bahagian sebagai peserta. Saya ingin tahu adakah kerajaan mempunyai sebarang cadangan untuk Pasukan Wataniah ditubuhkan di institusi pengajian tinggi (IPT) sama ada kerajaan atau swasta?

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan itu kita sudah pun ada Pasukan Askar Wataniah dalam kumpulan PALAPES di institusi pengajian tinggi.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Lau Ngan Siew.

[Soalan No. 2 - Y.B. Tuan Lau Ngan Siew (Sandakan) tidak hadir]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan.

[Soalan No. 3 - Y.B. Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan (Larut) tidak hadir]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Chia Kwang Chye.

[Soalan No. 4 - Yang Berhormat Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera) tidak hadir]

SOCSCO - KELEWATAN BAYARAN PAMPASAN

5. Tuan Tiong Thai King [Lanang] minta Menteri Sumber Manusia menyatakan:-

- (a) kenapakah biasanya SOCSCO lambat membuat bayaran pampasan seperti pencen penakat walaupun semua maklumat lanjut telah dikemukakan; dan
- (b) berapa ramaikah pekerja-pekerja yang mendapat kecederaan dan mendapat bayaran pampasan SOCSCO bagi tahun 1996.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir]: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan,

- (a) Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) di bawah Kementerian Sumber Manusia tidak lewat membayar tuntutan faedah-faedah PERKESO. Malah bagi kes-kes bayaran faedah pencen penakat, PERKESO memberi jaminan bayaran yang pertama boleh dibuat dalam tempoh masa tidak lebih dari 90 hari sekiranya semua maklumat dan dokumen yang diperlukan diterima. Walau bagaimanapun, sekiranya Yang Berhormat mempunyai kes-kes yang spesifik, saya mohon butir-butir mengenainya dikemukakan kepada saya untuk disiasat selanjutnya dan diperbaiki kalau dakwaan itu benar.
- (b) Bilangan pekerja yang mendapat kecederaan akibat bencana kerja dan mendapat bayaran PERKESO bagi tahun 1996 ialah:

Jenis Faedah	Bilangan Pekerja	Jumlah Bayaran (RM)
Hilang Upaya Sementara	80,320	45.7
Hilang Upaya Kekal	9,987	106.7
Faedah Orang Tanggungan	1,020	42.2

Tuan Hoo Seong Chang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memang menjadi tanggungjawab majikan untuk mencarum SOCSCO bagi pekerja-pekerja mereka. Saya ingin tahu adakah selama ini ada majikan-majikan yang tidak mencarum SOCSCO ataupun lewat mencarum SOCSCO bagi pekerja-pekerja mereka, dan kalau ada, apa tindakan terhadap mereka.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Dari segi undang-undang mereka terpaksa mencarum. Jadi, kalau tidak mencarum ini memang melanggar undang-undang dan kita akan dakwa. Namun demikian, pihak pegawai-pegawai selalunya berunding dahulu. Kadang-kadang ada terdapat syarikat-syarikat yang memang menghadapi kesusahan dalam perniagaan mereka dan kita sedikit-sebanyak memberi masa dan kelonggaran yang berbagai-bagai kepada mereka.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, saya kemukakan soalan tambahan. Mengapa SOCSCO tidak dapat bayar pampasan sekali gus kepada pekerja-pekerja yang terlibat dalam kemalangan jalan raya semasa pergi atau balik dari kerja, tetapi mereka dibayar tiap-tiap bulan beransuran. Misalnya, satu bulan dapat RM200 lebih hingga dia mati. Tidakkah SOCSCO membayar sekali gus kepada beliau supaya beliau boleh ambil jumlah wang ini untuk membuat satu perniagaan kecil?

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, bantuan yang diberi kepada keluarga mangsa adalah untuk menjamin supaya mereka dipelihara oleh sebab masalah kematian suaminya. Kalau kita beri sekali gus dan dia buat berniaga dan bankrup, maka tidak siapa lagi hendak menjaga siwanita-wanita yang lemah itu. Jadi, kerajaan memang cukup bertanggungjawablah. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Yunof Edward Maringking.

[Soalan No. 6 - Y.B. Tuan Yunof Edward Maringking (Tuaran) tidak hadir]

TALIAN OPTIK FIBER - MEMAKSIMUMKAN PENGGUNAAN

7. **Tuan Chiew Chiu Sing [Bintulu]** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan apakah langkah yang diambil oleh kementeriannya untuk mengambil kesempatan menggunakan talian optik fiber baru yang merentangi negeri Sarawak bagi memaksimumkan penggunaan talian tersebut untuk faedah rakyat di sana. Apakah jenis kemudahan yang boleh disediakan dengan talian ini dan apakah bentuk jangka masa pelaksanaan. Bilakah talian lama telefon di Sarawak akan dipertingkatkan untuk disesuaikan dengan dua talian optik fiber tersebut.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Dato' Chan Kong Choy]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara perkhidmatan-perkhidmatan yang dapat diberi dengan penggunaan optik fiber adalah seperti berikut:

- (i) Perkhidmatan talian telefon;
- (ii) Talian litar voice frequency data, dengan izin;
- (iii) 2 MB/S digital service;
- (iv) Indicator Service Digital Network (ISDN);
- (v) Telefon awam; dan
- (vi) Broadband service.

Pada masa yang sama pihak Telekom Malaysia telah pun membuat strategi pemasaran untuk memperkenalkan perkhidmatan-perkhidmatan yang dapat diberi dengan penggunaan optik fiber bagi kegunaan pelanggan.

Bagi telefon lama di Sarawak penggantiannya dengan talian optik fiber bergantung kepada keperluan dan permintaan pihak pelanggan.

Tuan Chiew Chiu Sing: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Rakyat Sarawak mendapati telekomunikasi dalam era IT sebagai satu jalan tunggal sekarang dan untuk membawa Semenanjung dan negeri-negeri di Sarawak, di Malaysia Timur menjalinkan hubungan lebih rapat. Sekarang perjalanan udara semakin sukar, belanja mahal. Jadi, apakah kementerian dari segi telekomunikasi bagi memastikan ini berlaku secara lebih murah seperti penggunaan sidang video dan lain-lain.

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, kemudahan seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat seperti sidang video (video conferencing) adalah di antara broadband services yang saya katakan tadi, dan ini dapat digunakan melalui optical fibre. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini setakat ini sebanyak 166 projek yang dilaksanakan melalui projek optik fiber sedang dijalankan di Sarawak. Dengan pelaksanaannya kesemua 166 projek optical fiber ini di mana satu sistem boleh menampung 240 sehingga 480 pelanggan bila kesemua projek ini dapat dilaksanakan di negeri Sarawak, maka kemudahan sepertimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat boleh digunakan dengan seluas-luasnya di negeri Sarawak.

**PAMERAN LIMA - JUMLAH PERBELANJAAN
DAN NILAI KONTRAK**

8. **Tuan Fu Ah Kiow [Mentakab]** minta Menteri Pertahanan menyatakan:-

- (a) perbelanjaan setiap kali penganjuran Pameran LIMA dan nilai kontrak atau pembelian yang diperolehi Syarikat Malaysia; dan
- (b) apakah pendirian atau rancangan Malaysia dalam pembangunan industri pertahanan.

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan,

- (a) Pameran LIMA adalah merupakan pameran yang dianjurkan oleh pihak swasta. Kerajaan hanya terlibat dalam memberikan sokongan yang berkaitan dengan protokol, majlis-majlis rasmi dan jemputan tetamu-tetamu luar negara yang diberi taraf tetamu kerajaan. Semenjak LIMA '91 sehingga LIMA '93 perbelanjaan kerajaan adalah meliputi kos penginapan tetamu luar negara yang diberi taraf tetamu kerajaan. Jumlah perbelanjaan ialah pada LIMA '91 - RM4.7 juta, LIMA '93 - RM4.2 juta, dan LIMA '95 - RM5.2 juta. Pada LIMA '97 ini dianggarkan perbelanjaan sebanyak RM4.7 juta. Untuk LIMA '97 kerajaan hanya menanggung perbelanjaan bagi penginapan, perjalanan dan makan minum pegawai-pegawai kerajaan sahaja. Segala perbelanjaan untuk tetamu kerajaan telah dipertanggungjawabkan kepada pihak penganjur, iaitu Syarikat Le' Proton dan HUSWAH Sdn. Bhd.

Maklumat yang tepat mengenai nilai kontrak atau pembelian yang diperolehi oleh syarikat-syarikat adalah amat sukar untuk diperolehi. Walau bagaimanapun, berdasarkan kepada MoU yang ditandatangani semasa LIMA '95 urusan niaga yang terhasil adalah dianggarkan sebanyak RM500 juta. Bagi 1997 sebanyak 19 MoU telah ditandatangani dan ini kebanyakannya merangkumi framework of relationship dan tidak melibatkan wang ringgit.

- (b) Pembangunan industri pertahanan tempatan adalah dibuat bagi mengurangkan pergantungan kepada negara asing dari segi bekalan dan perkhidmatan penyenggaraan peralatan pertahanan. Usaha ini akan dapat membantu Angkatan Tentera Malaysia mencapai matlamat berdikari di bidang keupayaan pertahanan. Selaras dengan dasar kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebuah negara perindustrian, pelabur-pelabur swasta digalakkan mencebur diri dalam pengeluaran peralatan. Ini adalah kerana berdasarkan pengalaman negara maju pembangunan industri pertahanan akan membantu mempercepatkan proses perindustrian terutamanya di bidang teknologi tinggi. Dengan ini kita harap dalam jangka masa panjang Malaysia akan mempunyai kebolehan dan kemampuan bagi mengeluarkan sendiri beberapa jenis peralatan pertahanan yang strategik dan penyenggaraannya.

Tuan Zainal Abidin bin Osman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam membangunkan industri pertahanan saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri. Adakah kerajaan bercadang mengadakan usaha sama dengan negara maju

yang mempunyai kepakaran yang dikehendaki, dan jika ada namakan negara tersebut serta jenis peralatan pertahanan yang ingin dikeluarkan?

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini kita mengadakan usaha sama dan kerjasama dengan negara-negara melibatkan Amerika Syarikat, negara Britain, Afrika Selatan, Australia dan beberapa negara lain. Tetapi untuk maklumat terperinci apakah bidang-bidangnya itu saya perlu untuk memberikan secara bertulis.

IMPORT SUMBER MAKANAN - LANGKAH MENEROKAI SUMBER IKAN DI PERAIRAN DI SABAH

9. **Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob [Sipitang]** minta Menteri Pertanian menyatakan:-

- (a) kedudukan import sumber makanan khususnya yang berasaskan ikan di negara ini dan berapakah nilai import barangan makanan ke negara ini bagi tahun ini mengikut pecahan; dan
- (b) apakah langkah kerajaan untuk menerokai sumber makanan khususnya ikan yang begitu banyak terdapat di perairan Sabah, sama ada kerajaan menggalakkan nelayan asing untuk menerokai industri perikanan di negara ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian [Dato' Abu Bakar bin Taib]: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan,

- (a) Sebagai makluman kepada Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini nilai import makanan bagi tempoh sehingga Julai 1997 adalah seperti berikut:-
 - (i) hasil-hasil ternakan - RM889 juta;
 - (ii) hasil-hasil tanaman buah-buahan sayur-sayuran, bijiran, gula dan rempah ratus - RM3,738 juta;
 - (iii) hasil-hasil perikanan - RM499 juta;
 - (iv) lain-lain jenis makanan - RM431 juta.

Jumlah kesemuanya RM5,559 juta.

Ikan yang diimport terdiri dari pelbagai jenis kategori seperti ikan basah, ikan hidup, ikan sejuk, beku, isi ikan, ikan dalam tin dan sebagainya. Dari pelbagai kategori tersebut ikan basah merupakan yang terbanyak diimport, iaitu sebanyak 62% diikuti dengan ikan sejuk, beku sebanyak 14%, ikan hidup 10% dan selebihnya adalah terdiri dari pelbagai kategori hasil perikanan.

Secara keseluruhannya nilai import ikan dan hasil perikanan menunjukkan peningkatan setiap tahun, iaitu dari RM760.9 juta pada tahun 1994 kepada RM773 juta pada tahun 1995 dan RM834 juta dalam tahun 1996. Keadaan ini berlaku disebabkan jumlah pengeluaran ikan negara tidak mencukupi bagi menampung keperluan ikan dalam negeri yang semakin bertambah berikutan penambahan bilangan penduduk dan kadar penggunaan perkapita ikan.

- (b) Kerajaan sentiasa menggalakkan penerokaan sumber pertanian ke tahap optimum dengan menggunakan teknologi terkini untuk meningkatkan pengeluaran makanan negara khususnya perikanan. Sabah telah dikenal pasti mempunyai sumber perikanan yang banyak.

Beberapa langkah telah dan akan diambil untuk membangunkan industri perikanan di Sabah bagi menarik lebih ramai pelabur, menggalakkan aktiviti usaha sama, menguji dan memperkenalkan teknologi baru perikanan dan mewujudkan rangkaian kawasan yang lebih luas.

Kerajaan tidak membenarkan atau menggalakkan nelayan asing menerokai sumber perikanan negara. Walau bagaimanapun, atas dasar penerapan kemahiran teknologi, kerajaan membenarkan vesel-vesel luar negara disewa pajak atau dicharter untuk digunakan oleh nelayan tempatan bagi menerokai sumber yang ada. Melalui pendekatan ini kemahiran dan teknologi baru perikanan dapat disebarkan dalam perusahaan tempatan.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Yacob: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya minta penjelasan daripada Setiausaha Parlimen mengenai lesen kapal laut dalam yang juga dapat menyumbang kepada penambahan pengeluaran sumber ikan. Pada masa ini kriteria ataupun syarat lesen kapal laut dalam begitu menyusahkan. Misalnya, untuk laut dalam perlu modal yang begitu besar oleh kerana saiz kapal yang juga besar. Sedangkan negara jiran misalnya negara Filipina dan Indonesia membenarkan kapal yang lebih murah untuk menerokai laut dalam. Apakah kerajaan akan mengubah dasar ataupun mengkaji supaya kapal yang lebih kecil pun boleh kita benarkan untuk diberi lesen untuk menerokai laut dalam supaya kos mereka juga lebih kecil?

Dato' Abu Bakar bin Taib: Tuan Yang di-Pertua, memang kerajaan sedar perkara ini berlaku dan sebab itulah kerajaan sentiasa meneliti kes demi kes kalau terdapat yang ingin mencharterkan atau menyewapajak bot-bot yang kecil.

Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan import ikan adalah import yang terbesar dalam sektor ini, dan akhir-akhir ini penerokaan perusahaan penangkapan ikan laut dalam semakin meningkat, namun penyertaan daripada syarikat-syarikat ataupun individu-individu dari kalangan warga Malaysia adalah berkurangan dalam industri ini khususnya di Malaysia Timur. Saya ingin tahu tentang sumber ikan laut dalam, apakah ianya sudah kita kenal pasti dan seseorang ataupun sebuah syarikat yang ingin menceburkan diri dalam perindustrian ikan laut dalam ini akan pasti memperolehi keuntungan sama ada betul-betul kita dapat memastikan tentang sumber ikan laut dalam ini.

Yang kedua, kalau dibandingkan perusahaan ikan laut dalam dengan ikan dalam sangkar, Yang Berhormat sebagai Setiausaha Parlimen dalam kementerian ini, yang mana lebih menguntungkan sama ada perusahaan ikan laut dalam ataupun ikan dalam sangkar ini dalam konteks hari ini?

Dato' Abu Bakar bin Taib: Tuan Yang di-Pertua, susah sedikit saya menjawab. Sumber ikan laut dalam ialah kawasan Economy Exclusive Zone (EEZ) di Laut Cina Selatan, termasuklah Sabah dan Sarawak dan juga Semenanjung Malaysia. Memanglah laut kita begitu luas sekali, sebab itulah kerajaan sedang memberi pertimbangan khas untuk mengadakan lesen laut dalam di kawasan Sabah dan Sarawak dan juga Labuan sebagai pengkalan. Bagi kita sumber laut dalam ini begitu luas sekali dan kita telah kenal pastinya dan insya-Allah, kita akan menukar sedikit cara-cara kita memberi lesen-lesen ini dan dahulu kita tidak benarkan pajak tetapi sekarang kita benarkan pajak. Malahan 19 buah vesel telah pun dibenarkan pajak begitu rupa.

Berkenaan ikan ternakan dalam sangkar dari segi pulangannya lebih. Saya kurang pasti perkara ini, saya minta kepada Yang Berhormat berkenaan saya akan beri jawapan bertulis.

TAMAN DI KAWASAN PERUMAHAN - USAHA MEWUJUDKAN KAWASAN REKREASI

10. **Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang [Kuala Pilah]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah usaha gigih dan kuasa-kuasa yang ada pada kementerian untuk berusaha mewujudkan taman-taman dipenuhi dengan pokok-pokok dalam suasana persekitaran yang nyaman, bersih, indah, hijau dengan ekosistem yang harmoni dan juga mewujudkan kawasan rekreasi seperti 'biopark' di Jepun dan 'park' di tengah Kota London, di kota-kota kita di Malaysia ini.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Peter Chin Fah Kui]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan memang berhasrat untuk menjadikan Malaysia negara taman menjelang tahun 2005. Sehubungan dengan itu, di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh sejumlah RM200 juta telah diperuntukkan untuk program melandskap seluruh negara. Daripada program ini sekurang-kurangnya satu taman awam baru akan dibina di setiap negeri. Di samping itu, usaha juga dibuat untuk meningkatkan taraf taman awam sedia ada di semua bandar di seluruh negara. Bagi memastikan setiap bandar disediakan taman awam dan rekreasi yang mencukupi satu pelan induk landskap akan disediakan bagi setiap ibu negeri termasuk Langkawi dan Labuan. Isi kandungan pelan ini termasuk penyediaan taman awam, jalur hijau dan kawasan lapang yang mencukupi.

Kerajaan juga akan memastikan taman bandar dan juga taman kejiranan diwujudkan di setiap bandar dan kawasan perumahan. Selain daripada itu, taman-taman kecil di bandar-bandar akan terus dibangunkan selari dengan pembangunan landskap di sepanjang jalan, sungai dan kawasan lapang. Malahan mengikut amalan semasa adalah menjadi syarat wajib bagi setiap pemaju menyediakan kawasan lapang untuk tujuan taman dan juga rekreasi seluas 10% minimum daripada keluasan keseluruhan kawasan pembangunan.

Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita mengetahui bahawa kerajaan berhasrat untuk mewujudkan taman hijau dan taman-taman di persekitaran perumahan yang cantik. Tetapi malangnya di kawasan-kawasan bandar banyak kawasan yang difikirkan untuk kepentingan rakyat telah digunakan sehebat-hebatnya untuk pembangunan tanpa mengira dari segi kepentingan keadaan ini. Persoalan saya ialah apakah usaha dan kuasa yang ada pada kementerian untuk menentukan pihak kerajaan tempatan, pihak kerajaan negeri tidak sewenang-wenangnya menghapuskan hingga taman rekreasi pun dijadikan untuk kepentingan pembangunan. Apakah kuasa dan usaha kementerian?

Tuan Peter Chin Fah Kui: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Sebenarnya ada berlaku satu dua kali di mana kita kesan kawasan-kawasan lapang itu telah dihentikan dan kemudiannya diberi kebenaran untuk membangunkan kawasan itu secara komersial atau lain-lain kegunaan. Memang kita rasa kelakuan atau apa yang telah berlaku seperti itu memang tidak wajar diadakan. Ini sebab kawasan itu tidak diwartakan sebagai kawasan lapang. Ini juga berlaku apabila kawasan itu tidak ada pelan lokasi atau pelan tempatan yang disediakan oleh pihak berkuasa tempatan atau yang disediakan oleh pihak negeri. Oleh sebab itu, maka pihak negeri ada kuasa untuk menukarkan kegunaan tanah tersebut untuk kegunaan yang lain.

Untuk menyelesaikan masalah ini pihak kementerian memang menggalakkan pihak negeri dan juga pihak berkuasa tempatan untuk menyediakan pelan tempatan dan kemudiannya pelan tempatan ini diwartakan secara rasmi supaya kawasan ini boleh dikekalkan selama-lamanya.

Tuan M. Kulasegaran: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Susulan dari jawapan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya ingin tahu adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar di negeri Perak khususnya beberapa tempat yang telah dihaskan, yang telah digazetkan sebagai tanah lapang, di tengah-tengah kediaman orang ramai, teres houses dan sebagainya di mana ada tanah lapang tiba-tiba telah digazetkan dan pembangunan telah dibuat. Walaupun beberapa bantahan telah

dibuat akan tetapi kerajaan negeri tidak ingin ambil tahu perkara ini. Jadi, dalam keadaan ini seperti yang dikatakan oleh kawan saya dari Kuala Pilah saya rasa satu soalan yang cantik, apakah yang kerajaan ingin buat dari segi undang-undang supaya kita dapat menggubal satu undang-undang memberi semua harta tanah seperti ini ke satu badan untuk mengambil alih dan mengerjakan tanah itu dalam sesuatu situasi yang baik.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini nampaknya serupa seperti yang dikeluarkan oleh Kuala Pilah tadi. Adakah Yang Berhormat hendak jawab atau tambah apa-apa?

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tak payahlah.

Tuan Yang di-Pertua: Tak payah.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, kita mengucapkan syabas dan tahniah kepada kementerian di atas perancangan untuk menghijaukan kota dalam taman dan sebagainya dan menyediakan peruntukan yang begitu banyak. Tetapi apa yang kita lihat di kawasan-kawasan PBT kebanyakannya terdapat kawasan-kawasan lapang ini untuk dihijaukan ataupun ditamankan. Tetapi apa yang menjadi masalah ialah pakar-pakar di pihak kerajaan tempatan dan juga di pihak majlis-majlis daerah di mana mereka ketiadaan pakar-pakar ini. Jadi, bagaimana mungkin perkara ini dapat kita laksanakan. Jadi, saya minta pandangan daripada kementerian apakah langkah dan cara untuk mengatasi masalah sedemikian supaya kawasan-kawasan PBT ini dapat dihijaukan ataupun dijadikan sebagai green belt di sesuatu kawasan berkenaan?

Tuan Peter Chin Fah Kui: Terima kasih, Ahli Yang Berhormat. Memang soalan itu adalah tepat, kerana setengah-setengah PBT memang kurang sumber manusia seperti pakar landskap arkitek ini. Oleh sebab itu, pihak Jabatan Landskap Negara sudah mengadakan satu usaha untuk memberi bantuan teknikal kepada mana-mana pihak yang ingin bantuan ini supaya landskap arkitek yang sedia ada di Jabatan Landskap Negara di Kuala Lumpur ini boleh menolong mana-mana PBT yang ingin mendapatkan nasihat teknikal daripada arkitek-arkitek tersebut. Selain daripada itu, pihak Jabatan Landskap Negara juga mula mendaftarkan pakar-pakar atau firma swasta yang sedia ada di negara kita supaya kita boleh mengadakan satu register atau pendaftaran yang cukup luas di mana firma swasta yang terlibat dalam usaha landskap di seluruh negara ini boleh dipastikan dan juga sumber manusia seperti landskap arkitek dan juga juruteknik yang ada keupayaan dari segi landskap ini kita boleh mengadakan satu directory, dengan izin, satu pendaftaran yang cukup luas. Apabila kita sudah ada register itu maka kita akan memberitahu kepada semua PBT di mana mereka boleh memperolehi juruperunding atau pakar-pakar yang mahir untuk memberi nasihat.

PERJANJIAN PENSWASTAAN JAMBATAN PULAU PINANG

11. **Tuan Lim Hock Seng [Bagan]** minta Menteri Kerja Raya memberitahu butir-butir berkenaan perjanjian penswastaaan Jambatan Pulau Pinang. Adakah benar bahawa terdapat kecacatan-kecacatan struktur jambatan ini.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Railey bin Haji Jaffrey]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Projek Jambatan Pulau Pinang telah diswastakan kepada Syarikat Mekar Idaman Sdn. Bhd. (MISB) pada 30 September 1993 dan kemudiannya ianya diserahkan kepada Syarikat Penang Bridge Sdn. Bhd. melalui satu perjanjian inovasi pada 23 November 1995. Tempoh perjanjian konsesi ialah selama 24 tahun 8 bulan. Ianya akan tamat pada 31 Mei 2018.

Di antara kandungan utama perjanjian konsesi penswastaaan Jambatan Pulau Pinang ialah Penang Bridge Sdn. Bhd. mempunyai hak eksklusif bagi mengurus, mengoperasi, menyenggara serta mengutip tol di Jambatan Pulau Pinang sehingga tamat tempoh konsesi. Syarikat Penang Bridge Sdn. Bhd. dikehendaki melaksanakan kerja-kerja menaik taraf jambatan seperti pembesaran jambatan dari dua lorong kepada tiga lorong, pembesaran plaza tol daripada empat lorong kepada enam lorong dan

membina tujuh lorong tol tambahan bagi pembukaan kecemasan. Kerja-kerja naik taraf ini akan dilaksanakan apabila aliran dan bilangan kenderaan sampai ke tahap yang memerlukan.

Tuan Yang di-Pertua, dakwaan yang menyatakan terdapatnya kecacatan kepada struktur jambatan, ini adalah tidak benar. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Syarikat PBSB bertanggungjawab menjalankan kerja-kerja pemeriksaan di Jambatan Pulau Pinang sama ada kerangka atas ataupun juga kerangka bawah atau super structure dan substructure, dengan izin. Kerja-kerja pemeriksaan tahunan ini meliputi pemeriksaan berkala dan bukan berkala. Laporan pemeriksaan akan dikemukakan kepada Lembaga Lebuhraya Malaysia untuk tujuan penyemakan. Siasatan akan dilakukan sekiranya perlu bagi memastikan kerja-kerja penyelenggaraan dilaksanakan dengan sempurna. Sehingga kini Lembaga Lebuhraya Malaysia tidak mendapati sebarang kecacatan kepada struktur jambatan berkenaan.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, bukannya benar bahawa pihak penswastaaan perlu melebarkan jambatan ini dari dua lorong hingga ke tiga lorong sebelum tahun 2001. Bolehkah pihak penswastaaan ini didesak supaya melebarkan jambatan ini sebelum tarikh itu kerana pada masa ini lalu lintas kenderaan di atas jambatan ini terlalu sesak?

Datuk Railey bin Haji Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, memang benar dalam perjanjian konsesi syarikat yang berkenaan dimestikan untuk melebarkan lorong daripada dua kepada tiga lorong apabila tahap trafik memerlukan supaya ianya dibuat. Tetapi setakat ini, pertama belum sampai ke tempoh yang ditetapkan dan juga unjuran trafik pada masa ini belum memerlukan supaya lorong tambahan dibuat.

Tuan M. Kulasegaran: Tuan Yang di-Pertua, apakah sebab-sebab yang utama jambatan ini diswastakan?

Datuk Railey bin Haji Jaffrey: Sebab-sebabnya sama seperti penswastaaan yang lain. Kalau yang lain daripada awal diberikan hak penswastaaan bagi membina, tetapi ini mengambil alih. Jadi, syarat-syarat sama seperti jika sebuah jalan baru dibuat dalam sistem penswastaaan yang ada sekarang.

BEKALAN AIR - SEBAB BEKALAN TERPUTUS DAN USAHA MENGATASI MASALAH INI

12. **Tuan Kamarudin bin Ahmad [Arau]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan sebab-sebab berlaku terputus bekalan air dan tekanan air rendah di negeri-negeri termasuk Perlis. Apakah langkah kerajaan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh untuk mengatasi masalah ini. Adakah kerajaan bercadang untuk menswastakan pengurusan bekalan air di semua negeri.

Datuk Railey bin Haji Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebab berlakunya bekalan air terputus dan tekanan air yang rendah di negeri-negeri termasuk negeri Perlis ialah kerana sebahagian besar rangkaian paip di negara ini adalah berjenis asbestos simen dan berumur lebih daripada 30 tahun. Dari segi teknikal efisiensi dan kekuatan paip ini telah sampai ke tempoh akhir hayat perkhidmatannya. Dalam keadaan yang demikian, kebocoran dan pecahan paip kerap kali berlaku lebih-lebih lagi semasa pelaksanaan aktiviti ekonomi dan pembangunan yang pesat pada masa kini.

Kerajaan sentiasa memandang serius ke atas masalah ini. Satu program yang menyeluruh untuk membaik pulih dan menaik taraf sistem paip agihan air di seluruh negara telah dimulakan semenjak tahun 1992. Program ini melibatkan perbelanjaan sebanyak RM2 bilion dan dilaksanakan secara berperingkat. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh sebanyak RM520 juta telah diperuntukkan untuk tujuan tersebut. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penswastaaan pengurusan bekalan air adalah di bawah bidang kerajaan negeri.

Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya telah mendengar ucapan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi. Inilah rupa jawapan yang kita dengar di mana-mana sahaja apabila kita anjurkan permasalahan air, yang mana apabila berlakunya terputus air, jawapannya kerana paip kecil dan sudah lama. Soalan saya ialah kerana air adalah satu sumber penting dalam hidup manusia dan sebelum perkara ini diatasi dan diswastakan, apakah tindakan kementerian supaya menentukan sebelum diswastakan dan apakah jaminan kementerian supaya rakyat tidak akan dapat menghadapi permasalahan ini berlanjutan. Tidakkah kementerian berusaha mengatasi perkara ini dahulu sebelum diswastakan?

Datuk Railey bin Haji Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, kuasa air sebenarnya terletak di bawah kerajaan negeri. Kerajaan Pusat memberikan peruntukan melalui pinjaman-pinjaman setiap tahun atau di bawah rancangan-rancangan pembangunan semasa. Jadi, usaha untuk membesarkan ataupun menambahkan air yang kurang adalah masih terletak di bawah bidang kerajaan negeri. Jadi, Kerajaan Pusat hanya boleh menyarankan dan membantu di mana yang boleh supaya masalah yang dihadapi tidak memudaratkan keperluan rakyat pada tiap-tiap satu masa.

Dr. Maximus Johnity Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sepertimana yang ditekankan banyak projek air telah pun diswastakan. Namun demikian, adakah pihak kementerian sedar bahawa penswastakan ini khususnya dari segi penswastakan air tidak semestinya boleh menyelesaikan masalah-masalah pokok yang berkaitan dengan soal low pressure, dengan izin, ataupun bekalan yang berterusan. Maka apakah pendekatan kementerian, sebab antara masalah yang timbul daripada masalah ini ialah production ataupun supply pembekalan diswastakan, tetapi distribution atau pengagihan tidak diswastakan, jadi banyak air tetapi paip bocor, air tidak sampai kepada pelanggan, kerana penswastakan yang tidak menyeluruh setakat ini. Itulah terjadi di negeri Sabah misalnya. Jadi, apakah pendekatan kementerian supaya satu tindakan dari segi penswastakan kalaulah itu yang diputuskan dan supaya penswastakan ini adalah menyeluruh daripada supply dan distribution, dengan izin, dan sampailah kepada piling, kerana ini masalah-masalah pokok. Kalau tidak masalah sekadar seperti tindakan yang dibuat adalah tampal-tampal sahaja.

Datuk Railey bin Haji Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, memang pada dasarnya kerajaan bersetuju, tertakluk kepada kehendak kerajaan negeri dalam sistem penswastakan supaya sebarang penswastakan air jika dipersetujui oleh semua kerajaan negeri diswastakan secara sepenuhnya sama ada billing, distribution, water source, maintenance dan sebagainya supaya tidak timbul soal loan rebate water yang besar, orang curi air, paip pecah dan sebagainya, semua efisien. Tetapi sekarang ini masih terdapat umpamanya average negara sekarang daripada non-revenue water yang melibatkan air hilang tanpa dapat dibayar sebanyak 38% yang mana Yang Berhormat mungkin ingin tahu Sabah adalah yang paling besar sekali, non-revenue water sahaja 65%. Jadi, ini antara perkara yang perlu diatasi jika sekiranya sesuatu penswastakan perlu difikirkan.

BPR - KESERIOUSAN MEMERANGI RASUAH

13. **Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob [Bachok]** minta Perdana Menteri menyatakan apakah tindakan kerajaan terhadap memorandum kepada BPR yang dikemukakan oleh Dr. Syed Husin Ali, Encik Fan Yew Teng dan Encik Sivara Rasiah bertarikh 5 Ogos 1997 dan sama ada pihak kerajaan benar-benar mempunyai keazaman politik dalam keghairahan untuk memerangi rasuah dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri dapat menunjukkan contoh teladan yang baik dengan memastikan BPR dan Peguam Negara bertindak cepat dan tegas atas ketiga-tiga anak beliau yang didakwa menjadi pengarah kepada beratus-ratus syarikat (98, 48 dan 67 mengikut yang mana berkaitan) atas kapasiti hubungan rapat mereka dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Othman bin Abdul]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan begitu prihatin untuk membanteras jenayah rasuah secara perundangan, peraturan dan pendidikan. Pendirian tegas kerajaan

terutama sekali pucuk pimpinan kerajaan dalam usaha-usaha membanteras rasuah tidak perlu dipertikaikan. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri memandang serius akan gejala rasuah ini. Tambahan pula usaha pembanterasannya amalan tersebut hingga ke akar umbi merupakan prasyarat ke arah kejayaan Wawasan 2020 yang diilhamkan oleh beliau sendiri.

Berhubung dengan perkara-perkara yang telah dibangkitkan dalam memorandum oleh pihak NGO kepada Badan Pencegah Rasuah pada 5 Ogos 1997 perkara-perkara tersebut masih lagi dalam perhatian dan tindakan BPR.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, semasa kita berusaha untuk membanteras rasuah khususnya untuk memastikan bahawa kita memberi prinsip 'kepimpinan melalui teladan'. Dalam memenuhi prinsip ini adakah menteri-menteri dan Perdana Menteri atau Timbalan Perdana Menteri dan juga timbalan-timbalan menteri dilarang memberikan jaminan atau menjadi guarantor, menjadi penjamin ke atas mana-mana perniagaan khususnya yang dipegang oleh ahli keluarga mereka. Adakah satu peraturan ditetapkan bahawa mereka tidak boleh menjadi penjamin kepada apa-apa syarikat dan kalau mereka telah memberikan jaminan tersebut adakah tindakan akan diambil terhadap mereka?

Dato' Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, sekarang tidak ada peraturan khusus untuk tidak membolehkan menteri-menteri, timbalan-timbalan menteri ataupun setiausaha-setiausaha Parlimen untuk menjadi penjamin kepada sesiapa sahaja termasuk keluarga sendiri untuk berniaga. Tetapi memandangkan keadaan seperti ini setiap lima tahun kita dipilih, maka kita harus berhati-hati apabila menjadi penjamin kepada mana-mana orang termasuklah keluarga sendiri.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya penanya soalan ini cuba mengaitkan atau jawatan Perdana Menteri dengan anak Perdana Menteri yang berniaga. Saya ingin tahu kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, di bawah undang-undang kita yang ada sekarang ini adakah salah bagi seorang anak Perdana Menteri melibatkan diri dalam perniagaan atau anak mana-mana menteri melibatkan diri dalam perniagaan. Oleh kerana dia anak anak Perdana Menteri maka adakah dia tidak boleh berniaga, adakah undang-undang macam itu?

Dato' Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, memang tidak ada peraturan atau tidak ada syarat yang tidak membolehkan anak menteri atau anak Perdana Menteri untuk berniaga. Anak Perdana Menteri pun manusia seperti kita biasa yang perlukan rumah tangga, yang perlu untuk menjaga anak isteri, memberi pendidikan dan juga mereka perlu untuk satu sumber kewangan yang khusus. Jadi, ini memang anak ketua pembangkang pun boleh, Ketua Pembangkang pun boleh.
[Ketawa]

SYARIKAT KAWALAN KESELAMATAN - JUMLAH YANG BERDAFTAR DAN SYARAT KELULUSAN

14. **Tuan Md. Isa bin Sabu [Kangar]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bilangan syarikat kawalan keselamatan yang berdaftar dengan kementeriannya. Apakah ciri-ciri utama bagi kelulusan sesebuah syarikat berkenaan, serta nyatakan setakat manakah syarikat-syarikat berkenaan mematuhi syarat-syarat yang dikenakan oleh kementeriannya.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, sehingga 30 November 1997 sejumlah 259 lesen untuk menjalankan urusan agensi persendirian di bawah Akta Agensi Persendirian 1971 telah diluluskan oleh Kementerian Dalam Negeri. Di antara syarat-syarat penting yang melayakkan sesuatu permohonan lesen dipertimbangkan ialah keupayaan modal berbayar bagi menjalankan perniagaan yang dicadangkan, penyertaan bekas pegawai kanan polis, tentera sebagai pemegang saham dan terlibat secara aktif di dalam pengurusan dan pengalaman dalam bidang perniagaan berkenaan. Syarikat-syarikat berkenaan sentiasa diawasi supaya mematuhi syarat-syarat yang dikenakan selaras

dengan Akta Agensi Persendirian 1971. Pada keseluruhannya mereka mematuhi syarat-syarat yang dikenakan.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada mengatakan 39 syarikat keselamatan yang telah diluluskan dan juga menyatakan beberapa syarat untuk syarikat-syarikat ini diberikan kelulusan untuk bergiat dalam industri keselamatan. Salah satu syaratnya yang saya tertarik ialah kena ada pegawai yang berpengalaman dalam keselamatan. Oleh kerana itulah kita dengar di negara kita semuanya syarikat keselamatan itu kepunyaan bekas polis. Itu satu usaha yang baik untuk menjaga mereka yang telah banyak berkecimpung keselamatan. Namun demikian, mengapa perlu dijadikan syarat yang wajib, kalau merupakan syarat yang wajib, ramai wakil rakyat pun pakar dalam bidang keselamatan juga. Ramai juga rakyat Malaysia pun tahu juga keselamatan. Saya minta penjelasan mengapa diwajibkan hanya bekas polis sahaja mesti menjadi pengarah atau tuan punya kepada syarikat keselamatan, mengapa tidak yang lain-lain juga? Saya ingat mereka ini tidak kurang pakar dalam bidang keselamatan, seperti wakil rakyat pun tahu juga bidang keselamatan. Minta penjelasan sedikit.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas soalan Yang Berhormat tadi. Sebagaimana yang disebutkan tadi selain daripada memberi peluang kepada bekas anggota keselamatan kita untuk berkecimpung dalam perniagaan, syarat ini juga akan dapat memastikan bahawa syarat-syarat kawalan keselamatan yang kadangkala menggunakan senjata, pistol, senapang patah dan sebagainya akan dapat dikendalikan oleh mereka yang pernah ataupun ada mengikuti latihan menggunakan senjata. Selaras dengan itu kita juga dapat memastikan bahawa disiplin mereka yang di bawah jagaan pegawai-pegawai ini dapat ditentukan. Di akhir-akhir ini kita mengenakan syarat yang lebih ketat apabila dalam satu serbuan yang kita lakukan ke KLIA, dengan izin, Kuala Lumpur International Airport, kita dapati ada syarikat kawalan keselamatan yang menggunakan khidmat pendarang-pendarang asing tanpa izin sebagai anggota mereka. Selepas daripada serbuan itu, kita mengenakan syarat yang lebih ketat untuk meluluskan syarikat-syarikat kawalan keselamatan.

Tuan Md. Isa bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyebut bahawa ada syarikat menggunakan pendarang asing tanpa izin. Walau bagaimanapun, adakah Yang Berhormat sedar ada rungutan bahawa pemegang-pemegang lesen syarikat kawalan keselamatan ini tidak mahu, dengan izin, meng'operate' sendiri, tetapi memajakkan lesen ini kepada pihak ketiga. Ini menyebabkan komitmen untuk menjaga efisiensi keselamatan dan perkhidmatan ini tidak terjamin, dan didapati ada bangunan-bangunan yang dicerobohi oleh pihak yang tidak bertanggungjawab, dan juga dalam rondaan-rondaan. Di samping itu, oleh kerana melibatkan bekas tentera dan bekas polis, dari segi keanggotaan industri ini, dari segi kualitatifnya berapakah agaknya melibatkan secara langsung tenaga kerja dalam syarikat-syarikat ini secara menyeluruh, bukan secara tepat.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan jumlah anggota yang bekerja dengan syarikat-syarikat ini saya pohon notis. Tetapi berkenaan dengan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi, iaitu berkenaan dengan pajak ataupun disubkontrakkan kepada syarikat-syarikat lain, sebenarnya mereka tidak dibenarkan untuk memajak ke syarikat lain. Kerana syarikat lain yang menggunakan lesen, mereka yang telah diberi lesen ini untuk mengoperate ataupun menjalankan perniagaan ini adalah tidak sah. Kalau mereka didapati melanggar syarat-syarat ataupun subkontrak ini melanggar syarat, maka lesen kontraktor atau lesen syarikat kawalan ini akan dibatalkan. Kalau misalnya ada di antara Yang Berhormat yang tahu bahawa ada syarikat-syarikat yang memberikan pajakan lesen ini kepada syarikat yang lain, sila maklumkan kepada kementerian supaya tindakan yang sewajarnya dapat diambil terhadap mereka.

MUFTI - GARIS PANDUAN UCAPAN DAN CERAMAH

15. **Dato' Haji Mahbud bin Haji Hashim [Sabak Bernam]** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada garis panduan perlu ditentukan kepada Mufti-mufti dalam setiap ucapan dan ceramahnya kepada umum terutama dalam perkara-perkara yang menyentuh isu agama. Sekiranya garis panduan tersebut telah ditentukan, apakah ianya perlu dipinda atau ditokok tambah.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Mufti adalah merupakan pegawai awam yang dilantik oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Mereka adalah sama dengan pegawai awam lain dari segi peraturan kerja, penerimaan imbuhan, kemudahan-kemudahan dan sebagainya. Sebagai pegawai awam, mereka tertakluk dan perlu mematuhi semua peraturan dan arahan dalam Perintah-perintah Am kerajaan.

Penyediaan garis panduan untuk semua pendakwah dan penceramah agama bagi memberi ceramah dan ucapan kepada umum adalah merupakan satu langkah yang baik bagi tujuan memudahkan mereka supaya sentiasa mengambil perhatian dan ingatan tentang keperluan mematuhi segala peraturan dan arahan dalam Perintah-perintah Am kerajaan. Sehubungan dengan ini, kerajaan-kerajaan negeri akan dipohon supaya mengambil langkah dengan sewajarnya termasuk penyediaan garis panduan serta tindakan-tindakan lain yang perlu dan sesuai.

Tuan Hashim bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, di samping para Mufti adakah kerajaan memikirkan wajar untuk menyediakan garis panduan kepada penceramah-penceramah bebas untuk mengelakkan salah tafsiran, keraguan dan salah fahaman di pihak masyarakat kita tentang kesempurnaan Islam itu sendiri?

Datuk Haji Muhamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, memang kita mesti kenakan peraturan-peraturan kepada semua penceramah tanpa mengira dia itu penceramah bebas ataupun tidak bebas. Sebenarnya dalam Islam istilah bebas ini terlalu luas. Tidak ada manusia yang mempunyai kebebasan mutlak di atas muka bumi ini, semuanya tertakluk kepada peraturan dan juga undang-undang. Sebab itulah kalau mereka mendakwa mereka sebagai penceramah bebas, pada hakikatnya bukanlah sebeb sesuka hati untuk bercakap di sana-sini. Orang yang boleh bercakap di sana-sini tanpa kawalan ialah orang gila sahaja. Jadi, siapa yang mengaku dia sebagai penceramah bebas untuk bercakap serupa orang gila, bererti dia orang gila, orang gila mesti ditangkap masuk dalam tempat gila.

Jadi peraturan sebagaimana saya nyatakan tadi meliputi semua, sebab amat penting supaya mereka tahu undang-undang dan peraturan di negara kita. Sekiranya mereka itu datang daripada luar negara sekalipun, mereka mesti mengikut peraturan yang kita tetapkan, mereka tidak boleh berceramah sesuka hati mengenai perkara khilafiah, mazhab empat, hendak bercakap di negara kita sekarang, kita memegang Imam Al-Shafie. Jadi, kita takut orang menjadi kelam-kabut, sebab itu kita larang mereka suka bercakap perkara-perkara khilafiah. Kita tidak benarkan penceramah-penceramah kalau dipanggil bebas ataupun dari luar ataupun dalam mengenai untuk menyebarkan shiah selain dari Ahli Sunah Wal Jamaah, kita tidak benarkan mereka bercakap mengenai agama-agama lain yang bertentangan di negara kita, kerana perkara ini kalau kita benarkan mereka akan memporak-perandakan rakyat kita di negara kita ini.

Sebab itulah hakikatnya peraturan-peraturan itu mestilah menyeluruh tanpa mengira sama ada penceramah itu dia mendakwa dirinya penceramah bebas ataupun tidak bebas.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Negeri Perlis saya ucap tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Perlis yang telah membuat inisiatif yang pertama melantik Mufti untuk duduk di dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri untuk memberi nasihat kepada kerajaan. Walaupun ini adalah hak kuasa Kerajaan Negeri, adakah pihak Kerajaan Persekutuan akan menasihati menteri-menteri besar supaya mereka dapat melantik mufti-mufti

menduduki Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan supaya mereka dapat memberi nasihat kepada kerajaan melalui dalaman kerana kita dapati kadang-kadang mufti ini dia beri nasihat di luar di ceramah-ceramah dan sebagainya, ini kadang-kadang menyulitkan balik kita.

Jadi, apakah Kerajaan Persekutuan akan menimbangkan perkara ini dan menasihati menteri-menteri besar lain supaya patuh dan akur demi untuk kebaikan dan perkembangan syariat Islam kita.

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini masuk atau tidak dengan apa yang mauduk kita bincangkan?

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Masuk! *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Terpulang kepada Yang Berhormat, hendak jawab atau tidak.

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya cuba ringkaskan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya.

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, negeri Perlis hanya menjemput Mufti untuk menyertai sebagai turut hadir di Mesyuarat EXCO Kerajaan Negeri, bukannya melantik sebagai Ahli EXCO Kerajaan Negeri. Selain dari itu, kalaulah sekiranya kita mengharapkan mufti duduk di Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri untuk memutuskan satu-satu fatwa di ketika itu mufti tidak boleh memberi fatwa kerana apa yang kita bawa dalam Majlis Kerajaan Negeri, keseluruhannya kebanyakan perkara itu adalah perkara yang selaras dikehendaki oleh Islam, sebab itulah kalau kita letakkan mufti dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, kita tidak mahu seolah-olah kita mengharapkan dia sentiasa membuat fatwa ketika mesyuarat, sedangkan kita ada jawatankuasa tertentu bagi memutuskan apa-apa fatwa yang perlu dikeluarkan.

MAHKAMAH SYARIAH DAN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM DISELARAS - KESAN KEPADA KUASA SULTAN

16. **Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman [Libaran]** minta Perdana Menteri menyatakan apakah yang tinggal lagi terhadap kuasa sultan-sultan di seluruh negara memandangkan tugas sultan-sultan sebagai ketua agama Islam selama ini telah lucut berikutan penyerapan Mahkamah Syariah dan Pentadbiran Agama Islam antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri.

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, usaha-usaha kerajaan untuk menyelaraskan Mahkamah Syariah dan pentadbiran agama Islam negeri-negeri tidak akan mengurangkan kuasa sultan-sultan sebagai ketua agama bagi negerinya kerana keistimewaan dan hak-hak sultan seperti yang terkandung di dalam Perlembagaan masih utuh dan tidak berubah.

Penyelarasan yang dilakukan tidak melibatkan apa-apa pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan dan dilakukan secara pentadbiran selepas berunding dengan pihak berkuasa negeri.

Dengan penyelarasan tersebut, pentadbiran agama Islam dan Mahkamah Syariah akan menjadi lebih baik dan sempurna kepada semua pihak.

Tuan Yang di-Pertua: Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut tamat.

[Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 2,3,4,6 dan 17 hingga 29 akan dijilid dalam buku berasingan]

RANG UNDANG-UNDANG-UNDANG

**RANG UNDANG-UNDANG PERINDUSTRIAN SEKURITI LUAR PESISIR
LABUAN 1997**

Bacaan Kali Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguh atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". [10 Disember 1997]

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menyambung ucapan.

3.35 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, saya sambung ucapan semalam. Pada amnya tujuan penggubalan akta ini adalah seperti berikut:

- (a) Pada masa ini tidak terdapat undang-undang yang khusus untuk mengawalselia dana yang diterbitkan di Labuan. Apa-apa dana yang diterbitkan di Labuan adalah pada dasarnya tertakluk kepada beberapa seksyen sahaja di dalam Akta Syarikat Luar Pesisir 1990.

Perkara-perkara yang berkaitan dengan pengurusan, penjualan dan khidmat nasihat mengenai sekuriti adalah masih lagi tertakluk kepada undang-undang domestik iaitu Akta Perindustrian Sekuriti 1983 yang tidak berapa sesuai dengan suasana perniagaan luar pesisir.

- (b) Penggubalan akta ini adalah selaras dengan usaha LOFSA untuk menggalak serta memantapkan perkembangan industri sekuriti luar pesisir di Labuan IOFC. Adalah diharapkan dengan penggubalan akta ini pengurusan dan penerbitan dana luar pesisir Labuan akan berjalan dengan lebih teratur. Kekeliruan yang timbul terutamanya tentang bidang kuasa Suruhanjaya Sekuriti, LOFSA dan Pendaftar Syarikat terhadap dana yang diterbitkan di Labuan akan dapat diperjelaskan. Ketika ini kekeliruan sering timbul kerana LOFSA hanya akan berkuasa membenarkan penerbitan dana di Labuan meluluskan prospektus dan perjanjian pemegang amanah.

Walau bagaimanapun, sekiranya penerbit dana ingin mengurus atau membuat jualan terhadap sekuriti maka ianya hendaklah memohon lesen yang berkenaan dari Suruhanjaya Sekuriti.

Jika dana tersebut hendak dipasarkan di Malaysia, prospektusnya hendaklah difailkan dengan Pendaftar Syarikat dan kelulusan hendaklah diperolehi terlebih dahulu dari Suruhanjaya Sekuriti bagi memasarkan dana itu.

Faktor ini telah mengurangkan daya saingan dan daya tarikan Labuan dalam industri sekuriti luar pesisir berbanding dengan pusat-pusat IOFC yang lain.

- (c) Mana-mana dana yang diterbitkan di Labuan, biasanya akan disenaraikan di pusat-pusat IOFC yang terkemuka seperti Dublin, Jersey atau Bermuda kerana kemudahan penyenaian tidak terdapat di Labuan. Dengan adanya

kemudahan penyenaian di Labuan, ia bukan sahaja berupaya menjadi pusat penerbitan malahan bersedia memberi perkhidmatan penyenaian yang setanding dengan pusat-pusat IOFC yang lain.

Penyenaian satu dana adalah penting untuk memaparkan harga pasaran dana tersebut. Ianya juga perlu kerana sesetengah pelabur seperti badan berkanun kerajaan atau syarikat milikan kerajaan dibenar melabur hanya di dalam dana yang disenaraikan dalam sesuatu bursa.

- (d) Rang Undang-undang Perindustrian Sekuriti Luar Pesisir Labuan mengandungi perkara-perkara berikut:-
- (i) Peruntukan mengenai jenis dana yang akan dikawal selia di bawah akta. Membenarkan penerbitan dua jenis dana utama iaitu dana persendirian dan dana awam yang dikehendaki berdaftar dengan LOFSA. Dana persendirian ialah satu dana yang ditawarkan kepada orang-orang tertentu dengan jumlah dana yang dilanggan adalah dikenal pasti. Dana awam ialah satu dana yang ditawarkan kepada orang awam dan tidak ditentukan jumlah dananya.
 - (ii) Peruntukan mengenai pengurusan dan pentadbiran dana. Ianya hanya membenarkan orang-orang yang dilesenkan atau berdaftar dengan LOFSA boleh mengurus atau mentadbir dana yang didaftarkan di bawah akta. Bagaimanapun dalam keadaan tertentu LOFSA boleh membenarkan pengurus dana yang berada di luar Labuan dan dilesenkan di negara yang diiktiraf untuk mengurus atau mentadbir dana yang diterbitkan di Labuan.
 - (iii) Peruntukan mengenai penyimpanan dan pemegang amanah dana membenarkan Bank Luar Pesisir Syarikat Amanah Labuan atau syarikat pengurusan yang ditubuhkan di bawah Seksyen 130, Akta Syarikat Luar Pesisir 1990 untuk memberi perkhidmatan penyimpanan kepada dana yang diterbitkan di Labuan. Syarikat Amanah Labuan sahaja dibenarkan menjadi pemegang amanah kepada dana yang dilancarkan di Labuan.
 - (iv) Peruntukan mengenai pengawalseliaan. LOFSA adalah bertanggungjawab dalam menyelia dan menguatkuasakan akta ini menurut segala kuasa yang disebutkan di dalamnya.
 - (v) Peruntukan mengenai akaun dan audit. Akta tersebut menghendaki supaya dana awam menyimpan rekod-rekod

perakaunan dan menyediakan penyata kewangan tahunan. Dokumen-dokumen ini hendaklah di simpan di Labuan dan boleh diperiksa oleh LOFSA, pelabur dan orang awam.

- (vi) Peruntukan mengenai prospektus. Tiada dana awam boleh ditawarkan kepada orang awam melainkan suatu prospektus mengenainya telah disiarkan dan difailkan dengan LOFSA. Ini adalah untuk memastikan bahawa mana-mana pelabur yang ingin melanggan dana awam mempunyai maklumat lengkap mengenainya.
- (vii) Peruntukan mengenai perlindungan kepada para pelabur. Sekiranya seseorang telah melanggan dana yang mana prospektusnya tidak memenuhi atau melanggar peruntukan akta, seseorang itu boleh memohon, membatalkan pembelian yang telah dibuat atau menuntut ganti rugi. Adalah menjadi suatu kesalahan jenayah di bawah akta untuk mengeluarkan prospektus yang tidak benar.
- (viii) Peruntukan mengenai fee. Mana-mana fee yang diperolehi di dalam akta ini serta bayaran-bayaran lain akan menjadi sebahagian daripada dana LOFSA untuk membiayai kos operasinya. Bagaimanapun mana-mana fee yang akan diperolehi oleh bursa dari ahli-ahli bursa akan menjadi sebahagian dari dananya.
- (ix) Peruntukan mengenai penubuhan LOFSA Kewangan Antarabangsa Labuan. Akta tersebut memberi kuasa kepada Menteri Kewangan meluluskan atas syor LOFSA penubuhan Bursa Kewangan Antarabangsa Labuan. Tujuan penubuhan Bursa Kewangan Antarabangsa Labuan adalah untuk memberi kemudahan kepada penerbit dana di Labuan dan luar negara menyenaraikan dana mereka. Undang-undang kecil dan kaedah-kaedah perniagaan di bursa mestilah digubal melalui perundingan dengan LOFSA atau kelulusan menteri mengikut mana yang berkenaan. Pentadbiran Bursa Kewangan Antarabangsa Labuan akan diuruskan oleh sebuah jawatankuasa yang terdiri tidak kurang dari lima orang ahli di mana seorang ahli dan pengerusinya hendaklah dilantik oleh menteri. Dari segi pengawalseliaan bursa kewangan itu adalah terletak di bawah bidang kuasa LOFSA.

- (x) Peruntukan mengenai kuasa menteri. Akta ini memberi kuasa kepada Menteri Kewangan untuk mengecualikan mana-mana orang daripada peruntukan akta atau mengubahsuai apa-apa peruntukan yang boleh mengganggu kelancaran pentadbiran akta. Menteri juga berkuasa melarang mana-mana dana daripada menjalankan sebarang aktiviti yang difikirkan tidak sejajar dengan dasar kerajaan dan meluluskan setiap instrument baru selain daripada dana bersama yang akan diperkenalkan oleh Bursa Kewangan Antarabangsa Labuan.

Tuan Yang di-Pertua, penggubalan rang undang-undang ini dijangka akan menggalakkan lagi perkembangan aktiviti luar pesisir serta menambahkan daya saing Labuan sebagai sebuah IOFC yang terulung di rantau ini. Dengan adanya rang undang-undang ini penerbitan serta pengurusannya akan dapat berjalan dengan lebih teratur dan kekeliruan yang sering timbul berkenaan dengan bidang kuasa penyeliaan dana luar pesisir di Labuan akan dapat diselesaikan.

Pada keseluruhannya penggubalan rang undang-undang ini bertujuan memastikan kesinambungan pembangunan Labuan sebagai sebuah IOFC supaya seiring dengan pembangunan yang terdapat di lain-lain IOFC dunia yang terkemuka serta memperkemarkan struktur perundangan yang sedang terpakai di Labuan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Peter Chin Fah Kui]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Baik. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi mengawal selia sekuriti di Labuan, penubuhan suatu kemudahan bagi menyenaraikan sekuriti itu bagi suatu usaha dan bagi perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ya, Kota Melaka.

3.48 ptg.

Tuan Lim Guan Eng [Kota Melaka]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, semasa membentangkan Rang Undang-undang Perindustrian Sekuriti Luar Pesisir Labuan 1997, saya rasa masa yang dibentangkan adalah amat kritikal sekali apabila kita menghadapi banyak cabaran khususnya dalam pasaran modal dan juga yang berkaitannya ialah dalam pasaran tukaran wang asing.

Saya amat tertarik dengan satu kenyataan yang dibuat oleh Suruhanjaya BSKL pada 29 November tahun ini di mana mereka telah mengumumkan bahawa di bawah, dengan izin, Rule 15B of the Exchange Rules Relating To Member Companies, lima syarikat berikut telah dikenakan sekatan mulai 1 Disember 1997 iaitu:-

- (i) Sime Security Sendirian Berhad;
- (ii) Capital Cought Sekuriti Sendirian Berhad;
- (iii) MBF Northern Security Sendirian Berhad;
- (iv) Kim Khoon & Company Sendirian Berhad; dan
- (v) Labuan Security Sendirian Berhad.

Di sini saya hendak bertanya kalau Labuan Security Sendirian Berhad di mana ia merupakan salah satu dari syarikat sekuriti boleh menghadapi masalah sungguhpun dalam masa yang agak singkat sekali, macam mana kita boleh

memastikan bahawa pemantauan atau pengawalseliaan dapat dijalankan dengan baik, rapi dan lancar.

Sekatan yang dikenakan di antaranya adalah mereka hanya dibenarkan membuat transaksi penjualan sahaja dan boleh membuat pembelian hanya dengan pembayaran 100% up front payment.

Ketiga, pembelian margin dan transaksi perniagaan secara langsung serta mana-mana aktiviti yang menambahkan risiko dilarang sama sekali. Langkah ini telah menambahkan kebimbangan tentang aliran tunai dan kestabilan sektor syarikat sekuriti saham.

Saya ingin bertanya apakah sebabnya mereka dikenakan sekatan sehingga keadaan kewangan kelima-lima syarikat ini dapat diperbetulkan barulah mereka boleh menjalankan kegiatan seperti biasa. Bolehkah saya dapat tahu sejauh manakah kekurangan atau penyelewengan yang dilakukan oleh kelima-lima syarikat sekuriti saham serta sama ada modal berbayar ataupun aliran tunai mereka tergugat.

Ini mungkin sebabnya beberapa buah syarikat sekuriti saham Singapura begitu tidak yakin terhadap saham Malaysia sehingga mereka kenakan sekatan dalam perdagangan saham Malaysia seperti memerlukan pembayaran cash up front sebelum pembelian dibuat. Contohnya pembayaran 100% up front untuk pembelian saham BSKL papan kedua dikenakan oleh OCBC Security Corporation. Sekatan ini tidak lain daripada satu undi tidak percaya oleh syarikat sekuriti saham Singapura ke atas saham-saham BSKL bila perlukan terlebih dahulu sebelum bersetuju membelinya. Ada kebimbangan bahawa lebih banyak daripada 60 buah syarikat sekuriti saham dalam negara kita mungkin menghadapi masalah yang sama dan adakah ini berlaku.

Pada masa yang sama, saya juga ingin bertanyakan sejauh manakah pengumuman Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang menyatakan pada hari Isnin minggu ini bahawa beliau akan meneliti sebarang penyusunan semula korporat dan pembekuan permohonan, penyenaian baru, terbitan hak bagi memastikan mudah tunai tidak terjejas. Hanya pelaburan strategik mengikut beliau yang boleh menjana pertukaran asing dan tabungan seperti pelancongan dan industri berteknologi tinggi seperti Koridor Raya Multimedia akan dibenarkan.

Dalam aspek ini, saya bertanyakan Yang Amat Berhormat atau pihak Kementerian Kewangan sama ada penjualan Berjaya Singer kepada Swasco Dunia Sendirian Berhad dengan wang tunai sebanyak RM1.38 bilion seperti berikut memenuhi syarat-syarat di atas:

- (i) 80% Berjaya Singer atau 234 juta saham dengan harga RM5.30 sesaham sebanyak RM1.3 bilion;
- (ii) 26.28 Ringgit nominal amount of six percent of unsecured Redeemable Comfortable Unsecured Loan Stock (RCUS), dengan izin, dengan harga RM1.80 ataupun harga RM47 juta;
- (iii) 59 juta unit transferable subscription rights dengan harga RM1.60 seunit sebanyak 93.8 juta.

Berjaya Singer telah tutup dengan harga RM3.86 sesaham. RCUS dengan harga 99.5 sen dan TSR dengan harga 74 sen pada 27 November 1997. Dengan kata lain sebelum penjualan diumumkan, ia mempunyai nilai pasaran sebanyak RM971.5 juta. Adalah jelas bahawa pembelian ini dibuat dengan premium atau lebihan sebanyak RM408 juta, kalau harga pembelian sebanyak RM1.38 bilion dibandingkan dengan nilai pasaran sebanyak 971.5 juta.

Pada masa yang sama Berjaya Group akan membeli balik syarikat-syarikat subsidiari Berjaya Singer seperti berikut daripada Swasco Dunia Sendirian Berhad dengan harga RM647 juta. Pembelian sekali lagi dibuat menerusi sebuah syarikat

yang mempunyai modal berbayar RM2 sahaja iaitu Tegas Kinta Sendirian Berhad seperti berikut:-

- (i) 100% Berjaya Sound Entertainment Sendirian Berhad;
- (ii) 100% Catalogue Shop;
- (iii) 100% Noble Creation Sendirian Berhad yang memegang 62.1 Unza Holdings Berhad;
- (iv) 95.5% dalam Happy Computer Centre;
- (v) 80% dalam Berjaya Unza Holdings Limited;
- (vi) 64% dalam Causeway Sendirian Berhad; dan
- (vii) 50.1% dalam SUEN Sendirian Berhad.

Berjaya Group menyatakan bahawa penjualan ini sebanyak RM1.38 bilion akan membawa keuntungan kepadanya sebanyak RM483 juta. Mengikut kenyataan Berjaya Group Berhad pada 1 Disember tahun ini, Swasco Dunia Sendirian berhad dimiliki dan mempunyai ahli lembaga pengarah Azmi Mustafa dan Datuk Muhamad Desa Pachi. Datuk Muhamad Desa merupakan pengerusi syarikat yang disenaraikan dalam BSKL seperti Westmond Berhad, Malaysian Mining Corporation Berhad dan Commerce Assets Holdings Berhad. Adakah ini benar.

Mengikut satu carian yang dibuat oleh saya pada 8 Disember, Swasco Dunia Sendirian Berhad hanya ditubuhkan pada 7 November tahun ini dan mempunyai modal berbayar hanya RM2 sahaja yang dimiliki bukan oleh Datuk Muhamad Desa Pachi ataupun Azmi Mustafa sepertimana yang dinyatakan dalam pengumuman yang dibuat oleh Berjaya Singer tetapi dimiliki oleh dua orang perempuan iaitu Puan Salasiah binti Mohd. Said dan Asiah binti Osman. Kedua-dua perempuan ini juga menjadi ahli lembaga pengarah Swasco Dunia di mana ada Azmi Mustafa dan Datuk Muhamad Desa Pachi. Adakah ini bermakna Berjaya Group telah membuat satu kenyataan palsu dan apakah tindakan akan diambil oleh Suruhanjaya Sekuriti ataupun pihak kerajaan.

Saya juga tidak tahu macam mana kelulusan boleh diberikan oleh Suruhanjaya Sekuriti kepada sebuah syarikat yang mempunyai modal berbayar sebanyak RM2 sahaja untuk membeli sebuah syarikat yang disenaraikan dalam BSKL dengan wang tunai sebanyak RM1.38 bilion. Saya tidak kisah kalau pembeli Berjaya Singer ingin membayar lebih sebanyak RM408 juta tetapi yang penting ialah pemegang saham minoriti tidak dinafikan hak mereka dengan menjual dengan harga yang sama sebanyak RM5.30.

Apakah yang akan menjadi kalau Swasco Dunia Sendirian Berhad tidak mampu membayar RM291 juta untuk pembelian baki 19% Berjaya Singer yang dipegang oleh pihak minoriti. Lebih-lebih lagi bila aset-aset bernilai Berjaya Singer akan dijual balik kepada Berjaya Group dengan harga RM647 juta. Ini bermakna bahawa harga sebenar pembelian Berjaya Singer adalah sebanyak RM733 juta.

Adakah yang tertinggal dalam Syarikat Berjaya Singer hanya Shell Company sahaja. Oleh itu, saya minta Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Kewangan menjelaskan macam mana Suruhanjaya Sekuriti boleh memberikan kelulusan kepada penjualan 81% Berjaya Singer sebanyak wang tunai RM1.38 bilion oleh sebuah syarikat RM2 ataupun modal berbayar RM2 iaitu Swasco Dunia Sendirian Berhad terutama sekali sama ada ia adalah berkepentingan awam. Dengan kos sebanyak RM1.38 bilion dalam bentuk wang tunai adakah ia akan menjejaskan pengaliran mudah tunai atau aliran tunai dalam pasaran modal.

Tuan Yang di-Pertua, apakah gunanya Pengerusi Suruhanjaya Sekuriti, Datuk Dr. Munir Majeed menegaskan pentingnya integriti pasaran dan kewangan serta perlindungan pelabur untuk menjayakan pasaran modal negara kita, kalau gesaan ini hanya tinggal di bibir sahaja tetapi tidak diamalkan.

Adakah integriti pasaran dan kewangan serta perlindungan pelabur-pelabur akan dipertingkatkan kalau tindakan tidak diambil ke atas pihak yang melanggarnya seperti dalam urusan pembelian Renong oleh UEM. Kerajaan mesti menghukum dan tidak harus melepaskan mereka yang bertanggungjawab baik dari pihak kerajaan mahupun pihak swasta yang bertanggungjawab meluluskan penyusunan semula syarikat yang merosakkan ekonomi dan menjejaskan keyakinan pelabur. Penjualan 32.6% sebanyak RM2.34 bilion adalah contoh yang paling baik penyusunan semula yang tidak mementingkan kepentingan pemegang saham minoriti dan pelabur.

Oleh kerana urusan ini nilai pasaran BSKL telah jatuh menjunam dan kehilangan RM100 bilion dalam masa seminggu sahaja. Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan telah mengambil langkah pertama ke arah ketelusan dan akauntabiliti dengan menarik balik pengecualian yang diberikan kepada UEM dari membuat tawaran am secara mandatori untuk 100% saham Renong.

Saya amat gembira juga bahawa semalam Yang Berhormat Timbalan Menteri juga menyahut gesaan Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan untuk menjadi lebih telus dan lebih akauntable bila buat kali pertama mengakui bahawa kehilangan nilai rizab asing sebanyak RM9 bilion disebabkan oleh usaha Bank Negara untuk mempertahankan Ringgit dalam kegawatan ekonomi kita, bukan seperti rakannya Yang Berhormat dari Rasah yang cuba menipu Dewan yang mulia ini dan saya ucapkan terima kasih kerana sekurang-kurangnya ini adalah satu langkah pertama yang baik yang saya harap akan diteruskan dan saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memberikan nasihat yang sama kepada rakan yang mungkin kurang pakar dalam bidang ini.

Langkah ini telah membela kepentingan pemegang saham minoriti, tetapi yang kita hendak bertanya macam mana pula pelabur biasa yang tercedera selepas nilai pasaran BSKL hilang RM100 bilion dalam tempoh masa seminggu apabila diumumkan hanya sebuah syarikat yang kaya seperti UEM akan digunakan untuk menyelamatkan Renong. Komposit Indeks BSKL telah tutup 667 mata dengan nilai pasaran RM475.4 bilion pada 17 November, sebelum pengumuman dibuat.

Dalam masa seminggu selepas pengumuman itu, komposit indeks jatuh 141 mata ataupun 21% kepada 526 mata pada 26 November atau nilai pasaran sebanyak RM363 bilion. Dengan kata lain BSKL telah hilang nilai pasaran sebanyak 24% atau RM112 bilion dalam seminggu dan petang ini sehingga hari ini Indeks BSKL telah jatuh hampir 40 mata hari ini sahaja. BSKL telah mengalami kerugian yang begitu besar kerana kegagalan kerajaan menghormati prinsip akauntabiliti ketelusan dan demokrasi dalam proses kewangan.

Oleh itu kerajaan harus menebus kegagalan mereka dengan menghukum mereka yang bertanggungjawab meluluskan penjualan ini khususnya mereka dalam Jawatankuasa Pelabur Asing ataupun Suruhanjaya Sekuriti. Rakyat mahu tahu berapa banyakkah pengecualian daripada membuat tawaran am mandatori telah diberikan dan sebabnya pengecualian diberikan dengan begitu mudah dan sewenang-senang tanpa mengambil kira kepentingan pemegang saham minoriti. Keyakinan pelabur asing dan tempatan hanya boleh dipulihkan bila mereka yang bertanggungjawab ini dihukum tanpa mengira kedudukan ataupun tali persaudaraan sebagai ahli keluarga pemimpin tertinggi negara.

Pengumuman Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan bahawa UEM telah pun didenda sebanyak RM5,000 kerana gagal mematuhi Seksyen 69E Akta Syarikat yang mewajibkan pendedahan mana-mana syarikat yang memiliki lebih 5% ekuiti saham adalah sungguh mengecewakan. Apakah denda RM5,000 kalau dibandingkan dengan pembelian berbilion-bilion Ringgit, siapa akan takut, tidak ada seorang pun akan gentar kalau mereka tahu, kalau tidak ikut undang-undang hanya didenda RM5,000 sahaja, bila mereka boleh mendapat keuntungan beratus-ratus juta, apa makna, apa yang mereka harus takut ke atas denda RM5,000, lagi pun mengapa penjual saham kepada UEM yang juga tidak dikenakan tindakan sama kerana gagal mematuhi keperluan memaklumkan kepada pihak berkuasa tentang perubahan ekuiti

dalam masa 14 hari selepas menjualkan 722.9 juta saham mereka kepada UEM seperti berikut:-

- (i) 340 juta saham dari VOC Nominees Tempatan Sendirian Berhad;
- (ii) 286 juta dari HLB Nominees Tempatan Sendirian Berhad;
- (iii) 67 juta dari Rashid & Lee Nominees Tempatan Sendirian Berhad;
- (iv) 18 juta saham dari Lintasan Savana Sendirian Berhad;
- (v) 9 juta saham dari IHB Nominees Sendirian Berhad;
- (vi) 1.5 juta saham dari Multi Purpose Bank Nominees Sendirian Berhad;
- (vii) 1 juta saham dari BHLB Nominees Sendirian Berhad; dan
- (viii) 5 juta saham dari Pengkalan Nominees Tempatan Sendirian Berhad.

Apa yang luar biasa ialah penjualan telah dibuat pada 17 November, hari yang sama di mana pengumuman penjualan ini dibuat. Saya rasa ini amat luar biasa sekali, bila ia boleh dijadikan serentak dengan pengumuman dan saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh menjelaskan macam mana ini boleh berlaku. Kalau ini telah dilakukan adakah UEM telah melakukan kesalahan gagal membuat laporan dalam masa 14 hari ataupun ia sebenarnya dibeli lebih awal daripada apa yang telah pun dilaporkan dan nampaknya ada kontradiksi dalam perkara ini.

Di samping itu, saya juga ingin merujuk kepada pengumuman yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Apabila kita menghadapi krisis penurunan yang begitu menjunam di BSKL, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan telah pun diulangi baru-baru ini bahawa terdapat beberapa captains of the industry yang tidak mengengang budi yang demi di mana mereka telah bersedia untuk menjualkan kepentingan negara demi mengejar keuntungan dan pelbagai tindakan telah pun diumumkan di mana beliau mengugut untuk menggunakan Akta Keselamatan Dalam Negeri, tetapi sehingga sekarang kita tidak nampak sebarang tindakan yang dikenakan.

Di sini saya ingin bertanya adakah perasaan tidak puas hati yang dikeluarkan oleh pemimpin tertinggi negara, adakah ia berasas ataupun ia hanya merupakan satu perasaan tidak puas hati kerana mereka tidak boleh berbuat apa-apa untuk menolong atau membantu mengatasi masalah krisis ekonomi kerana dalam satu aspek dikatakan mereka enggan mengeluarkan untuk membeli saham-saham dalam BSKL supaya kita dapat memastikan saham tidak terus jatuh, tetapi dalam aspek yang lain pula dikatakan mereka rela mengorbankan kepentingan nasional seperti seorang captain industri yang dikatakan telah meminjam sahamnya kepada George Soros di mana diugut pula akan mengambil tindakan ke atas beliau dan pihak tersebut dikatakan adalah seorang captain of industry yang memiliki sebuah bank yang agak diversify dari segi financial services, dari segi perkhidmatan kewangannya dan saya ingin call a spade a spade, dengan izin.

Saya ingin bertanya sama ada pihak tersebut adalah Tan Sri Rashid Hussin kerana beliau telah dikaitkan secara langsung bahawa telah meminjam saham kepada George Soros atau pihak yang tertentu untuk membolehkan short selling terus dilakukan sungguhpun pihak BSKL telah mengenakan syarat-syarat T+2 iaitu hanya dengan saham sahaja atau hanya dengan sijil saham sahaja barulah penjualan dibuat, mengaramkan short selling sama sekali. Adakah ini benar dan kalau ini benar mengapakah bila kerajaan mengancam akan mengambil tindakan ia tidak disusuli.

Saya tahu bahawa kerajaan pun mesti berhati-hati kalau

Tuan Yunof Edward Maringking: *[Bangun]*

Tuan Lim Guan Eng: Sila.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Yunof Edward Maringking: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka. Tadi Yang Berhormat ada menyebut bahawa ada pihak Malaysia atau pihak-pihak tertentu di dalam negara kita yang agak secara tidak langsung bersubahat dengan George Soros yang dikutuk kuat oleh negara kita kerana menyebabkan masalah ekonomi yang begitu teruk di negara kita ini.

Jadi, persoalan saya yang saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat ialah adakah Yang Berhormat bersetuju terhadap orang seperti ini seharusnya diambil tindakan sekeras-kerasnya oleh Kerajaan Malaysia dan jangan melindungi mereka kerana kalau mereka bersubahat dengan kuasa luar atau orang luar untuk menjatuhkan ekonomi kita, itu adalah satu perbuatan yang boleh dihukum di bawah ISA, kenapa tidak boleh dilakukan kerana sabotaj ekonomi ini, mengapa tidak ada diambil tindakan?

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya memang bersetuju bahawa kita harus ambil tindakan ke atas mana-mana pihak yang cuba mensabotajkan ekonomi, tetapi saya tidak bersetuju bahawa kita harus menggunakan ISA kerana ISA tidak akan memberikan peluang seseorang untuk membela diri. Oleh sebab itu, saya harap kalau kerajaan ingin mengambil tindakan ia harus menunjukkan bukti dan kalau ada bukti saya akan menyokong sebarang tindakan untuk menghadapkan orang tertentu kepada mahkamah tetapi janganlah gunakan ISA kerana ISA memang kejam dan zalim sekali.

[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan tadi, kalau ada pihak-pihak yang tertentu yang terlibat, saya harap pihak kerajaan kalau ingin menyatakan tindakan akan diambil, ia haruslah disusuli dengan tindakan, janganlah sekadar melepaskan batuk ditangga kerana kalau ia diulang-ulang lagi, rakyat tidak percaya lagi dengan apa yang disebutkan oleh kerajaan. Sepertimana yang kita lihat surat khabar tempatan, setiap kali dan setiap minggu apabila kita baca analisa saham, mereka selalu membuat ramalan bahawa harga atau pasaran saham akan bertambah baik pada minggu depan tetapi apa yang berlaku sebenarnya ialah sebaliknya iaitu bukan naik tetapi jatuh. Dan ini telah menyebabkan ramai pelabur-pelabur kecil tidak percaya dengan analisa ekonomi surat khabar kita kerana tidak boleh dipercayai langsung, mereka hanya main peranan kaki bodek sahaja.

Tetapi saya bukan menyatakan bahawa kita harus membuat laporan yang menakutkan rakyat, tetapi kita harus melaporkan apa yang benar, janganlah melaporkan apa yang tidak benar bahawa keadaan memang baik, akan bertambah baik minggu depan tetapi yang berlaku sebaliknya. Dan saya harap kalau kita ingin memulihkan keyakinan ekonomi, inilah satu langkah yang penting juga, supaya analisa berita kewangan mestilah tepat, mestilah benar, janganlah palsu dan kalau palsu saya rasa ini akan menyusahkan usaha kita untuk memulihkan ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu, apakah peranan yang akan dimainkan oleh Suruhanjaya Sekuriti ke atas apa-apa permohonan oleh bank-bank yang telah disenaraikan dalam BSKL untuk dicantumkan. Bolehkah Yang Berhormat memberitahu berapa bank yang akan dicantumkan kerana sehingga sekarang kita tidak berapa jelas, masih kabur tentang berapa banyak bank yang akan dicantumkan. Seperti yang saya nyatakan tadi, ada ura-ura, ada khabar-khabar angin bahawa RHB akan dicantumkan dengan Maybank. Saya rasa kalau kita hendak membuat percantuman bank, ia harus dibuat untuk memastikan kepentingan pemegang saham minoriti terus dibela. Contohnya kalau kita lihat tentang percantuman bank yang dikatakan di antara Maybank dan RHB mungkin ini akan membawa kebaikan kepada RHB tetapi untuk Maybank saya rasa mereka akan mendapat pukulan hebat kerana terpaksa berusaha untuk menyelamatkan RHB yang telah menghadapi pelbagai masalah khususnya

pelaburan mereka dalam Indonesia ke atas sebuah bank di Indonesia yang sekarang menghadapi kesulitan dan masalah yang sangat besar sekali.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa yang sama saya juga ingin meminta semasa kita hendak mengawal syarikat-syarikat saham dan syarikat-syarikat sekuriti, kita hendak memastikan bahawa mereka yang bekerja di syarikat-syarikat saham dan sekuriti tidak dianiayai. Saya ada menerima banyak aduan bahawa banyak remisier dan sebagainya terpaksa melakukan sesuatu yang tidak betul atas arahan syarikat mereka dan di sini saya ingin bertanya, berapa banyak remisier yang terpaksa telah digantung kerana tidak memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh pihak kerajaan.

Selain daripada lima syarikat yang saya sebutkan tadi, berapa banyak lagi syarikat saham yang menghadapi masalah. Kerajaan telah mengumumkan bahawa satu dana sebanyak RM500 juta akan ditubuhkan, dengan izin, in alter to manage the systeming risk phase by security firm. Dan di sini saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memberitahu berapa banyakkah dari jumlah RM500 juta ini telah digunakan untuk tujuan tersebut.

Saya rasa ini adalah sangat penting kerana selain daripada syarikat-syarikat saham dan syarikat-syarikat sekuriti, kita pun harus memastikan bahawa syarikat saham dan sekuriti sihat kerana kalau ia tidak sihat, ia boleh menjahanamkan pasaran saham dan juga ekonomi negara kita. Sekian, terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, Kepong hendak bangun atau hendak berucap? *[Ketawa]*

Dr. Tan Seng Giaw: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, kedua-duanya, ya beri laluan ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, beri laluan kepada saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, boleh juga.

4.10 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian di dalam rang undang-undang ini dengan harapan bahawa rang undang-undang ini telah diluluskan menjadi akta akan menjadikan Labuan sebagai pusat kewangan luar pesisir salah satu yang terunggul di dunia ataupun di Asia dan juga untuk menjadi satu pusat kewangan luar pesisir Islam yang utama di dunia. Itu harapan kita semualah kerana kita perlu adakan rang undang-undang seumpama ini kerana ketika ini ada bidang kuasa yang bertindih-tindih dan kekeliruan yang timbul (ambiguity) dan pihak syarikat-syarikat yang menubuhkan pejabat di Labuan terpaksa memohonkan melalui LOFSA tetapi kepada Suruhanjaya Sekuriti dan kepada Menteri Kewangan dan sebagainya dan ini memang menjejaskan aktiviti mereka.

Walau bagaimanapun, dengan rang undang-undang yang agak komprehensif ini, sangat panjanglah, ini kali yang pertama yang diadakan, saya pun tidak tahu sama ada peruntukan yang tergantung di dalamnya dapat dilaksanakan dan dikuatkuasakan dengan berkesan ataupun tidak, ataupun akan berlaku penyelewengan, itu susah hendak kita katakan.

Tetapi nampaknya Ahli Parlimen Labuan tidak berminat

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, orang lain sama ada berminat atau tidak, itu terserah Yang Berhormat.

Seorang Ahli: Sangkaan jahat.

Dr. Tan Seng Giaw: Bukan sangkaan jahat. Saya tahu dia tidak berminat.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, asalkan Yang Berhormat tunjuk minat, sudahlah.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, ya tak apa! Saya cakap macam ini sebab bila kita pergi ke Labuan hari itu, Ahli Yang Berhormat dari Labuan tidak melayan kita langsung. *[Ketawa]*

Seorang Ahli: Siapa mahu layan - DAP! *[Ketawa]*

Dr. Tan Seng Giaw: Bukan sahaja DAP, Ahli-ahli Parlimen yang lain! Itu masalah kita sekarang ini. Tetapi walau bagaimanapun, daripada hujah Yang Berhormat tadi yang tidak menghuraikan peruntukan peraturan di dalam rang undang-undang ini 56 peruntukan ini tidak dihuraikan langsung ...

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Rompin bangun.

Dr. Tan Seng Giaw: Oh, Rompin bukan Labuan. You are acting on behalf, holding brief untuk Labuankah?

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Kepong, saya minta penjelasan, Kepong ini sudahkah bersedia untuk bercakap? Yang pegang akta ini pusing kiri, pusing kanan ini untuk mendapatkan idea, buah fikirankah, kalau tak bersedia, tidak usah habiskan masa Dewan ini, sebab selalunya Kepong ini bernas hujah-hujahnya, nampaknya hari ini tidak ada persediaannya, mengapa menghabiskan masa kita di Dewan ini?

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, apa penjelasannya?

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Penjelasan saya, adakah Yang Berhormat dari Kepong sudah bersedia untuk bercakap atau tidak. Kalau tidak bersedia itu kita berilah kepada orang lain yang hendak bercakap pula.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, tadi dia tak mahu, sekarang dia cakap besar. Aлах, buang masa saya sahaja. *[Ketawa]* Kalau lepas sekali ini, saya berharaplah bila kita pergi ke Labuan dapat layanan yang lebih baik lagi.

Tuan Yang di-Pertua, yang sebenarnya, penyelarasan di antara Ahli Parlimen Labuan dengan kementerian dan juga dengan Padang Terap itu kurang sedikit. Bila kita pergi ke Labuan, beliau tidak tahu, tiba-tiba kita dapat tahu kita tiba di situ dan dia nampak Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, dia pun suka dengan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri untuk menunjukkan minatnya kepada seseorang yang ada di situ, dengan mengabaikan orang yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya nampak daripada hujah Yang Berhormat tadi cuma menyentuh hampir sepuluh perkara yang penting dan tidak menghuraikan peruntukan yang ada di dalam rang undang-undang ini tetapi susah kita hendak hurai kerana kita tidak tahu sama ada ini akan boleh dilaksanakan dengan berkesan ataupun tidak.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, saya ada beberapa cadangan. Walaupun saya melihat sekarang ini kalau mengikut apa yang kita ada sekarang, sepuluh buah bank terbesar di dunia telah pun mengadakan pejabat di Labuan dan juga 18 buah bank dari 20 bank yang terbesar di dunia serta 30 dari 50 bank yang terbesar di dunia sudah pun berada di Labuan. Adakah ini bererti mereka memang serius dengan apa yang akan dilaksanakan di situ kerana kalau kita meninjau semua IOFC dan pusat-pusat sedemikian, kita melihat bank-bank yang sedemikian memang ada wakilnya di hampir semua cuma di setengah-setengahnya seperti di Cayman Ireland, di Jersey, di Ireland, semuanya memang ada wakil di situ, bukan sahaja di sini. Cuma mungkin di Mauritius bilangan tidak banyak, cuma itu sahaja, tetapi apakah ini bermakna pusat ini akan dijadikan pusat yang terunggul dengan adanya pejabat-pejabat seumpama ini. Ini memang kita hendak bertanya sebab kita melihat ada wakil dari 14 negara termasuk Jepun, United Kingdom,

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Dr. Tan Seng Giaw:dia dengar itu, dia hendak cari bahan-bahan untuk berbahas, itu maksud dia.

Tuan Yang di-Pertua, yang 14 negara, Jepun, United Kingdom, Belgium, Perancis, Jerman, Switzerland, Belanda, Hong Kong, Taiwan, Singapura, Amerika Syarikat, Australia dan Ireland.

Seorang Ahli: Merapu!

Dr. Tan Seng Giaw: Mana merapu? Siapa yang bercakap itu? *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, kita nampaknya setakat ini ada 60 buah bank, 21 buah syarikat insurans dan 20 syarikat amanah yang sudah berdaftar untuk beroperasi di Labuan, ini nampaknya bilangan yang banyak juga tetapi tidak bertambah dengan banyak kalau dibandingkan dengan angka yang di tahun lepas, mungkin kerana mereka nampak ekonomi yang tidak begitu baik.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap rang undang-undang ini dapat merangsangkan pertumbuhan aktiviti-aktiviti pengurusan dana terutamanya dana-dana Islam kerana kita tidak nampak banyak tempat yang mempunyai dana pesisir Islam di dunia dan Labuan merupakan satu-satunya pusat yang dapat menubuhkan pusat Islam luar pesisir dan dengan tapak yang diambil oleh pihak kementerian, saya berharap kita akan memajukan pusat Islam ini supaya kita dapat berjaya menarik banyak pelabur untuk melabur di Labuan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan keadaan ekonomi yang meleset di kawasan ini memang ini merupakan satu peluang bagi pelabur-pelabur untuk melabur di Labuan untuk menubuhkan dana-dana di Labuan, peluang ini memang kita mesti umumkan kepada dunia supaya bukan sahaja Rompin yang tidak berminat, kita berharap orang-orang yang lain yang berminat, kerana ini satu peluang yang baik untuk mereka semuanya.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, oleh kerana kesuntukan masa Yang Berhormat dinasihatkan memadamkan ucapan Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya memang akan memadamkan ucapan saya. Saya ada cadangan untuk

Seorang Ahli: Setengah jam.

Dr. Tan Seng Giaw: Oh, bukan setengah jam, tak payah. Terlalu panjang!

Seorang Ahli: Merapu!

Dr. Tan Seng Giaw: Siapa yang cakap itu? *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, ini suara latar belakang ini, saya rasa

Dr. Tan Seng Giaw: Latar belakang susah sedikit, membuang masa sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, tak payah layanlah.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, ya. Saya pun kesal jugalah kita hendak memajukan Labuan, mereka hendak memajukan perkara yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya rang undang-undang ini, saya berpendapat kita mesti mengkaji daripada segi penyelewengan daripada segi wang yang tidak sah, saya pernah menyebutkan di sini wang-wang dadah dan sebagainya memang ada disimpan di pusat-pusat seumpama ini sama ada kita dapat wang seumpama ini di Labuan, saya tidak tahu. Cuma saya memberi peringatan sekali lagi, jangan kita terima wang seumpama ini sebab jawapan dari pihak kementerian sentiasa

mengatakan bank-bank yang kita terima itu adalah bank yang terkemuka, yang namanya baik dan termasyhur, kalau termasyhur masalah wang yang tidak bersih ini tidak timbul. Ha, itu sedap kita mendengar hujah seumpama itu. Bukan tidak semestinya bank-bank yang termasyhur tidak menerima wang-wang yang tidak bersih.

Tuan Yang di-Pertua, sebab saya sebutkan hal ini, sebab IOFC pada biasanya disifatkan sebagai pusat-pusat untuk money laundering.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi ialah baru-baru ini kerajaan telah membelanjakan RM128 juta untuk teleport Labuan. Itu memang satu kemudahan telekom yang diperlukan, sebab saya ada dengar beberapa tahun ini bahawa kerana Labuan tidak mempunyai kemudahan telekom yang baik, sebab itulah ada setengah-setengah atau tidak ada menampilkan ke hadapan, tetapi sekarang kita ada teleport Labuan di Layang-Layang yang memberi perkhidmatan multimedia, video conferencing, Internet, mesej-mesej elektronik dan rangkaian video wide area serta bank with electronics services yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari itu, teleport Labuan mempunyai stesen cable submarine, stesen satelit bumi, ibu sawat-ibu sawat domestik dan antarabangsa. Di sini hendak saya memberi peringatan kepada Yang Berhormat supaya kita sentiasa berwaspada bukan sahaja dengan adanya teleport Labuan bahkan juga kita memang memerlukan kaedah-kaedah untuk mengawal dari berlakunya penyelewengan sebab di Semenanjung pun dengan alat-alat yang tidak begitu canggih tetapi setiap hari ada pencurian talian kerana dilakukan oleh sindiket-sindiket.

Saya pun tak tahu macam mana talian ini dapat dicuri, sebab saya sendiri menjadi mangsa juga. Mereka mempunyai alat-alat yang tertentu dapat mengintip dan dapat menggunakan nombor. Saya pun tak tahu macam mana ini boleh berlaku. Walau bagaimanapun, ini menunjukkan dengan alat-alat canggih juga ada penjenayah-penjenayah yang lebih canggih lagi. Itu memang satu perkara yang perlu kita sentiasa ingat.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi masalah di Labuan ialah tenaga mahir dan profesional yang tidak cukup. Maklumlah dengan pulau yang kecil, bilangan penduduk yang tidak ramai dan juga Ahli Parlimen tidak begitu aktif dan memang kita tidak cukup bilangan tenaga mahir. Kalau kita hendak dapat tenaga dari Semenanjung pun kita pun tidak mencukupi juga. Kalau pergi ke situ, mereka menuntut elaun tinggi yang banyak dan semasa kegawatan ekonomi sekarang, memang elaun itu susah dan gaji tinggi yang diminta untuk pergi ke Labuan.

Saya pun merasa bahawa keadaan di Labuan itu pada masa ini tidak begitu sesuai kerana ia nampak satu kawasan yang tidak begitu maju dan kita perlu memajukan kawasan itu. Saya pernah membaca cadangan untuk mengadakan satu Universiti ASEAN, tetapi cadangan ini tidak diterima dan saya mencadangkan pihak Kementerian Kewangan mengkaji sama ada kita boleh mengadakan satu cawangan daripada universiti-universiti yang ada di Semenanjung ataupun cawangan daripada Universiti Sabah dan daripada cawangan ini kita boleh meningkatkan kepada satu universiti. Kalau dengan bermulanya menjadi satu universiti pun susah juga kalau penuntut tidak cukup. Kita tidak kiralah Ahli Yang Berhormat dari Labuan itu cakap besar atau kecil tetapi kita hendak dapat pelajar yang cukup tidak boleh, sebab itu saya berharap pihak kementerian dapat mengkaji dengan teliti bagaimana kita dapat wujudkan sebuah universiti di Labuan untuk jangka panjang. Bermula dengan satu cawangan universiti untuk melatih dengan kursus-kursus khas bagi dana-dana kewangan, bagi syarikat-syarikat amanah, bagi bank-bank dan sebagainya kursus untuk aktiviti-aktiviti luar pesisir.

Ini memang diperlukan walaupun rang undang-undang ini baik, tetapi kalau tidak ada tenaga mahir yang cukup, profesional yang cukup, itu sia-sia sahaja. Dan saya boleh cerita di sini kerana tidak cukup orang, bila saya pergi ke Labuan bersama-sama dengan Ahli Parlimen yang lain menginap di sebuah hotel yang lima bintanglah, tetapi bilik saya bocor!

Saya pun hairan juga hotel lima bintang bocor. Itu masalah kerana occupancy rate sangat rendah. Dengan occupancy rate rendah ini memang orang tidak tahu sama ada bocor ataupun tidak.....

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, apa yang bocor itu? Alat-alat dalam bilik airkah ataupun bumbung? Yang Berhormat bukan duduk atas bumbung.

Dr. Tan Seng Giaw: Lantai yang bocor.

Seorang Ahli: Kepong yang bocor.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Ataupun Yang Berhormat yang bocorkah? *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Tetapi Yang Berhormat, saya rasa itu soal kemudahan hotel, apa kena-mengena dengan ini?

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, memang kemudahan hotel. Ini ada berkaitan dengan masalah yang kita bincangkan di sini. Ini kerana kekurangan pelancong, kekurangan tenaga mahir, mungkin kekurangan juruteknik dan sebagainya.

Seorang Ahli: Merapulah.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Tetapi Yang Berhormat, ini bukan rang undang-undang apa yang digelar sebagai.....

Seorang Ahli: Ikan kembong ikan kerapu, wakil Kepong kuat merapu. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:.....pelancong luar pesisir. Jangan salah anggap, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Itu bukan sahaja pelancongan, saya sebutkan sebagai satu contoh sahajalah, contoh yang menunjukkan masalah.....

Dato' Othman bin Abdul: Contoh tak relevan.

Dr. Tan Seng Giaw: Macam mana tak relevan pula.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, saya rasa janganlah buat macam itu. Sekali dua boleh saya beri laluan, tetapi janganlah buat selalu.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, saya setuju, Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]* Memang satu amaran yang baik. Ini hendak kacau saya supaya saya tidak boleh fikir dengan betul. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, balik kepada tajuk.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, saya balik kepada tajuk. Jadi, apa yang saya maksudkan tadi ialah kerana kekurangan orang, memang Labuan tak cukup orang dan tambah pula orang-orang datang daripada Sabah, itu pun orang tidak tinggal di situ, dia balik, dia beli-belah sedikit, dia balik. Itu sahaja yang terdapat di Labuan. Dengan itu saya berharap pihak kementerian akan mengkaji apa yang saya cadangkan tadi untuk menubuhkan sebuah universiti buat jangka panjang bagi memajukan IOFC di Labuan ini.

Satu lagi saya berharap, Tuan Yang di-Pertua, dengan mengadakan LOFSA sebagai satu-satunya autoriti untuk meluluskan lesen termasuk prospektus dan sebagainya, siapakah yang akan mengawalseliakan (monitor) apa yang dilakukan oleh LOFSA ini betul ataupun tidak. Memang kita mesti ada satu mekanisme untuk memastikan, untuk mensabitkan semua aktiviti yang dilakukan oleh LOFSA ini adalah betul untuk kepentingan Labuan sebab di dalam rang undang-undang tidak ada peruntukan, cuma katanya Yang Amat Berhormat Menteri Kewanganlah yang mempunyai kuasa yang mutlak untuk menentukan semua tetapi Yang Amat Berhormat

Timbalan Perdana Menteri ataupun Menteri Kewangan tidak mempunyai masa untuk sentiasa pergi ke Labuan untuk mengawalseliakan. Yang Berhormat dari Padang Terap hendak jadi penyelia untuk mengawasi LOFSA, saya ingat itu mustahil kerana dia tidak ada masa, memang tidak cukup masa. Jangan kita cakap macam itu, tidak cukup masa. Kita mesti ada mekanisme, ada kaedah untuk menentukan semua aktiviti yang dijalankan oleh LOFSA itu benar-benar untuk kepentingan Labuan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, Labuan.

4.34 ptg.

Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Rang Undang-undang Perindustrian Sekuriti Luar Pesisir Labuan 1997 ini dibentangkan pada ketika negara sedang berhadapan dalam kemelut ekonomi, yang juga disebutkan dwi-krisis, yakni kejatuhan pasaran saham dalam negara dan juga kejatuhan nilai Ringgit.

Walaupun bagaimanapun, semalam Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan sedikit sebanyak meyakinkan kepada kita bahawa kedudukan ekonomi negara sebenarnya berada dalam kedudukan yang agak kukuh di mana asas-asas struktur ekonomi kita kuat, cuma yang lemah mungkin di dalam sektor pemasaran. Walau bagaimanapun, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan (LOFSA) sebagai sebuah agensi sehenti yang bertanggungjawab untuk memajukan Labuan sebagai sebuah pusat kewangan luar pesisir antarabangsa (IOFC) sedang berusaha dan telah berjaya memperkembangkan struktur perundangan dan terus berusaha untuk mempertingkatkan kedudukan struktur perundangan di Labuan untuk menarik minat lebih ramai pelabur luar pesisir untuk mengambil bahagian.

Walaupun sebentar tadi kita telah mendengar dua rakan kita dari Kota Melaka dan Kepong yang bagi saya tidak sedikit pun menyentuh soal isu pokok dalam rang undang-undang yang kita bincangkan ini, boleh kita katakan totally out of context.....

Seorang Ahli: Betul, setuju.

Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit: Namun demikian, saya ucap terima kasih kepada rakan saya dari Kepong kerana menunjukkan minat yang cukup tinggi terhadap pembangunan Labuan sebagai IOFC.....

Seorang Ahli: Walaupun tak faham.

Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit: Walaupun mungkin data-data yang dimajukan atau yang diketengahkan tadi mungkin sudah tidak relevan lagi, out-of-date dari segi angka-angka dan sebagainya. Namun demikian, saya ucap terima kasihlah mungkin dia berminat kerana dia suka dengan Labuan, tidak tahulah, kalau dia berminat untuk bertukar dengan saya. Katanya sebentar tadi, saya tidak aktif di sana. Untuk pengetahuan Yang Berhormat dari Kepong, saya sudah tiga kali bertanding di Labuan, bertanding dengan Bebas pun saya menang, saya hendak cuba cabar Yang Berhormat bertanding sebagai ahli Parlimen Barisan Nasional, MCAkah, boleh menangkah di Kepong atau tidak. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini nanti akan memberikan kuasa pengawalseliaan dana yang akan diterbitkan, seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi yang mana akan melibatkan dana-dana yang diterbitkan di Labuan ini dan akan disenaraikan di pusat-pusat IOFC yang terkemuka di dunia, seperti yang telah disebutkan, kerana pada masa yang lalu dana-dana yang diterbitkan di Labuan tidak dapat disenaraikan dengan ketiadaannya. Dengan lulusnya Rang Undang-undang Perindustrian Sekuriti Luar Pesisir Labuan ini akan membolehkan dana-dana tersebut disenaraikan dan sama ada ianya dana persendirian atau dana awam dan kemudian ia ditawarkan kepada orang-orang tertentu dan juga orang awam dan akhirnya seperti yang dinyatakan, objektifnya ialah bagi menggalakkan perkembangan aktiviti luar pesisir serta menambahkan lagi daya saing

Labuan sebagai sebuah IOFC yang terulung di rantau ini serta memastikan kesinambungan pembangunan Labuan seiring dengan pembangunan yang juga terdapat di pusat-pusat kewangan luar pesisir yang terkemuka, yang lebih tua, yang lebih maju dan yang lebih awal daripada Labuan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh beberapa perkara dalam rang undang-undang ini. Yang pertama, secara umumnya saya menyatakan bahawa rang undang-undang yang ada ini dalam pandangan saya tidak memberikan keuntungan kewangan yang tinggi daripada kedudukan pasaran dan kedudukan para pelabur yang sedia ada menjalankan perniagaan luar pesisir di Labuan. Tambahan daripada itu, malah ianya mungkin akan mendatangkan suatu masalah negatif yang serius terhadap keunggulan atau reputation Wilayah Persekutuan Labuan sebagai IOFC dengan adanya existing ataupun kedudukan rang undang-undang yang ada ini dan bagi pendapat saya ianya tidak begitu konsisten dengan perkembangan keseluruhan kalau dibandingkan dengan beberapa buah pusat kewangan yang termasyhur di dunia ini. Saya berharap rang undang-undang ini dapat diperbaiki dan diberikan penilitian yang serius pada masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, kalau menyebutkan soal ekonomi tadi, saya ingin menyentuh, pertama ialah dari segi kedudukan para pengusaha yang sedia ada di Labuan pada ketika ini khususnya syarikat-syarikat amanah yang sudah beroperasi di sana. Dengan adanya rang undang-undang ini mereka berada dalam keadaan disadavantage, dengan izin, kerana mereka ini dikenakan membayar premium kepada percukaian kalau kita bandingkan dengan syarikat-syarikat yang beroperasi di luar daripada Labuan yang akan dibenarkan melalui rang undang-undang ini. Bererti mereka ini akan mengenakan suatu fee yang rendah kerana mereka tidak perlu membayar cukai dan juga dari segi kos-kos yang lain. Jadi existing operators are at disadavantage, dengan izin, dengan kedudukan ini dengan memberikan kebenaran kepada syarikat-syarikat luar yang didaftarkan daripada kawalan LOFSA pada hari ini.

Perkara yang kedua, tambahan kepada itu, syarikat-syarikat yang akan dibenarkan secara bertulis melalui rang undang-undang ini yang beroperasi di pusat-pusat kewangan yang lain mungkin tidak akan mendapat pengawalseliaan yang begitu ketat kalau dibandingkan dengan syarikat-syarikat yang berada di Labuan yang terpaksa mengikuti dan mematuhi segala peraturan yang disediakan dalam undang-undang ini dan juga undang-undang yang ada, yang dikuatkuasakan di Labuan dalam operasinya sebagai sebuah syarikat kewangan luar pesisir atau syarikat amanah yang sedia ada ini. Ini bagi saya sekali lagi memberikan handicap kepada syarikat yang sedia ada kerana mereka terpaksa mematuhi suatu peraturan, suatu regulatory environment yang begitu ketat. Maka ini sudah tentulah akan meningkatkan kos operasi syarikat tersebut sedangkan syarikat-syarikat yang beroperasi dijurisdiksi yang lain tidak perlu kos seperti ini, bererti syarikat-syarikat amanah yang akan menjalankan perniagaan ini sudah tentu akan berada dalam keadaan yang disadavantage dari segi kos competitiveness mereka ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang ada hubungan dengan ini juga ialah ianya juga di samping dua perkara yang disebutkan di atas tadi akan mengurangkan minat atau tidak akan menarik syarikat-syarikat luar untuk mendirikan syarikat amanah mereka di Labuan dan mungkin ini juga akan menjadikan syarikat tersebut tidak berminat lagi untuk menubuhkan atau terus wujud di Labuan kerana adanya rang undang-undang ini. Ianya bukan sahaja, bagi saya, tidak akan menarik direct investment masuk ke negara kita ini dari para pelabur asing, malah ia juga akan terus mengurangkan dari segi pengurangan penyediaan pekerjaan dan juga yang lebih penting ialah technology transfer. Dengan ketiadaan syarikat-syarikat yang berpengalaman beroperasi dijurisdiksi yang lain, sudah tentu syarikat-syarikat tempatan yang sedia ada di Labuan tidak akan menerima technology transfer yang bagi saya merupakan suatu perkara yang cukup penting dalam pertumbuhan Labuan sebagai sebuah IOFC. Saya juga difahamkan ada syarikat-syarikat yang sudah pun mewujudkan kerjasama ataupun usaha sama dengan sebuah syarikat tempatan kini menyatakan, saya quote dengan bahasa asalnya, *'why do we need to jointventure with*

you when we can do it all from my home'. Jadi ini jelas menunjukkan bahawa tidak ada keperluan lagi untuk para pelabur asing ini menubuhkan syarikatnya di sana kalau mereka terus boleh beroperasi dan menggunakan Labuan dengan syarikat yang sudah berdaftar dijurisdiksi yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini perlu diberikan perhatian dan penelitian semula oleh kerajaan dan kementerian supaya nanti bila kita mewujudkan rang undang-undang ini dan pada semangatnya itu adalah amat baik dan begitu up-to-date supaya kita sama-sama berada dengan IOFC yang lain yang ada di dunia ini dan kita juga mewujudkan sebuah Bursa Kewangan Antarabangsa Labuan nanti, tetapi ianya akan mendatangkan banyak perkara yang negatif.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada aspek atau kesan ekonomi yang negatif ini, yang perlu juga diberikan penelitian tentang kedudukan Labuan sebagai sebuah IOFC ialah pada hari ini kita bersyukur kerana tidak ada skandal -Labuan free of scandal pada hari ini dari segi perniagaan yang melibatkan offshore yang dilakukan oleh para pengusaha yang sedia ada di Labuan kini. Tetapi ini bagi saya amat penting untuk mengekalkan reputasi Labuan sebagai sebuah IOFC yang bersih dari skandal tetapi apakah dengan wujudnya peruntukan-peruntukan dalam rang undang-undang ini tidak akan memberikan peluang? Sudah tentu apabila sebuah syarikat yang saya sebutkan tadi, yang didaftarkan dijurisdiksi yang lain yang mungkin tidak mendapat pengawalseliaan seketat yang dilakukan oleh LOFSA di Labuan, maka bila berlaku suatu skandal nanti sudah tentu reputasi Labuan sebagai IOFC itu akan terjejas. Kita takut dan saya khuatir ini akan membantutkan pembangunan Labuan sebagai IOFC kerana kita tahu dengan rang undang-undang ini LOFSA tidak mempunyai kuasa untuk melihat sebagai polis kepada syarikat yang beroperasi di luar daripada Labuan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara lain yang juga perlu dilihat dalam konteks rang undang-undang ini ialah yang saya rasa masih ada kelemahannya iaitu dari segi definisi dalam akta ini yang tidak memasukkan suatu definisi dana itu secukupnya di mana dalam akta ini definisi 'dana' hanya melibatkan dana awam dan dana persendirian dan tidak ada satu provision pun dalam akta ini yang mengambil kira tentang dana yang kita selalu sebut sebagai simpler fund ataupun smaller fund ataupun yang boleh kita kategorikan sebagai private fund atau small fund, tidak dimasukkan dalam rang undang-undang ini. Ini bagi saya kalau kita mahu elaborate lagi apa yang kita maksudkan dengan small fund atau simpler fund ini ialah boleh kita katakan bahawa suatu dana yang dipunyai oleh 20 orang dengan initial investmentnya tidak melebihi atau kurang daripada RM100,000 setiap pelabur. Ini boleh kita definisikan sebagai suatu dana kecil ataupun simpler fund.

Maka dengan itu, bagi saya ini perlu diambil kira walaupun ianya pada ketika ini ada dalam akta-akta yang lain, misalnya dimasukkan dalam Offshore Companies Act dan definisinya sebagai suatu dana awam tetapi tidak disebutkan dalam akta ini. Ini penting juga dimasukkan kerana dana ini juga akan menggunakan perkhidmatan administrator custodian ataupun trusty dan juga pengurus dana dalam industri ini. Bila ini tidak dimasukkan, maka sudah tentulah pada ketika ini pun sudah ada dana-dana dalam bentuk ini dan ianya tidak diambil kira dalam akta ini dan ianya bagi saya merupakan suatu perkara yang berada dalam keadaan grey area. Tetapi yang perlu kita beri perhatian, saya khuatir clientele kita yang sedia ada di Labuan kini akan keluar atau terpaksa keluar daripada IOFC Labuan kerana tidak ada dalam peruntukan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa ini perlu diberikan perhatian dan juga penelitian kerana dalam akta ini tidak disebutkan tentang jangka waktu transisi (transition period) untuk membolehkan existing client to register under the bill, dengan izin. Jadi dalam akta ini tidak disebutkan soal-soal sedemikian.

Tuan Yang di-Pertua, itulah beberapa perkara yang saya rasa perlu. Sebenarnya banyak lagi perkara yang detail, yang mungkin tidak sempat saya sebutkan dalam perbahasan kali ini. Namun, suatu perkara juga yang saya rasa tertinggal dalam akta ini ialah tidak ada disebutkan bahawa tidak ada provision dalam akta ini di mana sesuatu saham atau syer yang dipindah milik dikecualikan daripada membayar cukai.

Jadi ini saya rasa amat crucial dalam pembangunan ataupun kewujudan pengurusan dana di Labuan kalau tidak diberikan exemption setiap pembelian atau penjualan, maka ianya akan dikenakan duti. Maka itu akan menambahkan lagi kos dan mungkin ini juga sedikit sebanyak menokokkan terhadap disadvantage Labuan akan menjadikannya ia kurang competitive dibandingkan dengan tempat-tempat yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya beberapa persoalan. Yang pertama, dari segi struktur Bursa Kewangan Antarabangsa Labuan (BKAL) ini, siapakah yang bertanggungjawab, yang akan menubuhkannya nanti dan apakah struktur penubuhan Bursa Kewangan Antarabangsa Labuan ini sama strukturnya dengan Bursa Saham Kuala Lumpur (KLSE) yang ada kini di mana ahli-ahli broker adalah menjadi ahli kepada BSKL dan menjadi pemunya BSKL ini. Apakah perkara yang sama akan diwujudkan di Labuan bahawa Bursa Kewangan Antarabangsa Labuan ini akan dipunyai oleh ahli-ahli yang menjalankan perniagaan pembrokeran di Labuan. Apakah juga nanti syarikat-syarikat broker akan diwujudkan di Labuan semata-mata atau ianya akan juga dibenarkan pengwujudannya di luar daripada Labuan, misalnya di Kuala Lumpur ataupun di negara-negara lain walaupun mungkin pada peringkat awal hanya dana-dana yang akan disenaraikan tetapi mungkin pada masa yang akan datang ianya akan dapat dikembangkan.

Soalan yang kedua, saya ingin tahu bilakah Bursa Kewangan Antarabangsa Labuan ini akan ditubuhkan dan akan memulakan urusan perniagaannya dan berapa lamakah agaknya dalam pandangan kementerian justation period bagi industri ini untuk takes off.

Tuan Yang di-Pertua, perkara lain yang ingin saya sentuh di sini ialah dalam konteks kita membangunkan Labuan sebagai IOFC, saya rasa yang penting juga perlu diberikan perhatian oleh kementerian ialah supaya ekonomi tempatan bukan perniagaan luar pesisir atau non offshore related business activity juga dikembang, dimajukan di Labuan supaya warga Labuan, rakyat Labuan akan turut sama mendapat nikmat dan akan terus membangun atau berkembang sama atau selari dengan perkembangan aktiviti perniagaan luar pesisir. Pada hari ini, seperti yang dinyatakan oleh rakan saya dari Kepong tadi, katanya Labuan lembab, dengan kekurangan penduduk, dengan kawasannya yang kecil, tetapi memanglah Labuan sebuah pulau yang kecil tetapi sebuah pulau bagi saya yang cukup istimewa dan tidak ada pulau-pulau lain di negara ini yang boleh dibandingkan seperti Labuan. Itulah sebabnya saya rasa rakan saya dari Kepong berminat sangat tentang Labuan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang.....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Kepong bangun.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Tadi saya sebutkan beberapa perkara yang memang relevan dengan rang undang-undang ini dan termasuk kawasan Labuan yang kecil dan bilangan penduduk yang tidak cukup terutamanya bilangan tenaga mahir yang tidak cukup. Memang saya berasa seronok juga kerana Yang Berhormat mengakui itu tidak cukup dan kita bukan sahaja berminat dengan Labuan kerana Labuan adalah satu-satu IOFC di Malaysia dan akan memainkan peranan di dalam sistem kewangan di Malaysia, memang kita mesti mengambil perhatian. Kalau kita serah kepada Yang Berhormat dari Labuan sahaja, matilah semuanya. *[Ketawa]*

Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit: Yang Berhormat masih lagi ingin mempertahankan apa Yang Berhormat katakan itu relevan dengan akta ini, saya masih berpendapat dan masih berpegang bahawa tidak relevan tentang apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat itu relevan dalam konteks rang undang-undang ini. Namun demikian, saya ucap terima kasih lagilah kerana Yang Berhormat cukup minat tentang pembangunan Labuan dan mengakui tentang pentingnya pembangunan Labuan sebagai IOFC dalam konteks pembangunan kewangan di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks pembangunan ekonomi tempatan ini, saya rasa perlu diberikan suatu penelitian, perhatian yang khusus supaya kita mahu melihat pembangunan IOFC itu selari dengan pembangunan ekonomi tempatan. Pada hari ini oleh kerana kedudukan Labuan terpencil, penduduk yang kecil bukan merupakan satu saiz ekonomi yang sustainable atau self sustain economy, maka ianya menghadapi pelbagai masalah khususnya dalam bidang perniagaan (trading) dan sebagainya. Jadi, perlu ada usaha-usaha lain yang ditekankan selain daripada menjadikan Labuan sebagai sebuah pusat kewangan luar pesisir yang terunggul, memajukan Labuan sebagai sebuah pusat perdagangan yang terunggul di rantau ini dengan kedudukannya yang sedia ada.

Dengan statusnya sebagai sebuah pulau bebas cukai, maka sudah tentulah dengan keadaan peningkatan beberapa cukai pada hari ini ianya menarik. Namun demikian, ianya belum cukup untuk mengangkat ekonomi Labuan dan sekali lagi untuk mengangkat Labuan dan menjadikan Labuan sebagai sebuah pusat pelancongan merupakan satu usaha baru kerajaan ke arah ini. Oleh yang demikian, usaha-usaha dan rancangan-rancangan kerajaan untuk membangunkan Labuan sebagai sebuah pusat pelancongan juga perlu diberikan perhatian kerana bagi saya ekonomi tempatan hanya akan dapat diangkat dengan penglibatan lebih ramai warga Labuan ini dalam bidang pelancongan.

Kalau IOFC, maka non-Malaysian atau bukan warga Malaysia yang dibenarkan melibatkan diri dalam industri luar pesisir maka warga Labuan hanya akan menjadi masyarakat terpinggir, hanya menjadi penonton kepada pembangunan ekonomi Labuan. Maka harus ada suatu tindakan yang serius terhadap membangunkan ekonomi Labuan. Ini kena pada tempatnya kerana Kementerian Kewanganlah yang diberikan tanggungjawab untuk membangunkan Labuan ini dalam ketiga-tiga sektor ini. Oleh yang demikian, suatu usaha gerakan besar-besaran perlu dilakukan. Kalau Langkawi boleh dimajukan sebagai sebuah pusat pelancongan, pusat maritim yang bertaraf antarabangsa dan telah menempah nama, saya rasa kementerian atau kerajaan juga boleh mencari jalan berusaha untuk membangunkan Labuan dalam sektor pelancongan tetapi memberikan pengkhususan yang berbeza, yang berlain dengan kedudukan Langkawi. Langkawi sebagai sebuah pulau yang mempunyai banyak legenda produk-produk pelancongan. Labuan kurang dalam bentuk itu, perlu ada usaha-usaha lain, misalnya mewujudkan perlumbaan Formula Tiga (Formula Three car race) di Labuan ini perlu dibangunkan seperti yang dicadangkan oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan baru-baru ini. Ini memerlukan satu usaha. Dan Labuan juga sebagai sebuah pulau dan ianya dilingkungi oleh laut dalam dan saya rasa boleh dimajukan sebagai sebuah pusat yang melibatkan sukan laut, termasuklah perahu layar dan pelbagai lagi sebagai produk untuk menarik para pelancong datang ke Labuan. Itu adalah di antara perkara-perkara yang saya rasa perlu diberikan perhatian oleh kementerian.

Perkara seterusnya yang saya ingin tahu juga ialah kita mempunyai dua organisasi yang lebih besar di Labuan untuk mentadbirkan Labuan dan membangunkan Labuan sebagai sebuah pusat kewangan iaitu LOFSA dan kemudian Lembaga Pembangunan Labuan dipertanggungjawabkan untuk membangunkan Labuan sebagai sebuah pusat IOFC juga, kemudian membangunkan sebagai pusat pelancongan dan pusat perdagangan. Yang saya ingin tahu sekarang ini dengan pembangunan kedua-dua ini apakah bentuk koordinasi yang wujud di antara kedua-dua agensi besar yang ada pada hari ini. Saya tidak mahu melihat adanya pertembungan siapa besar wujud dalam dua agensi ini sama ada LOFSA ataupun Lembaga Pembangunan Labuan (LDA). Maka kalau ini berlaku, pertembungan siapa yang berkuasa, siapa yang lebih besar ini berlaku dalam pentadbiran Labuan, saya rasa banyak masalah yang akan timbul. Oleh yang demikian, saya ingin menyarankan supaya usaha untuk menyatukan ketiga-tiga agensi yang mentadbir di Labuan pada hari ini disatukan dan supaya pengwujudannya dapat dipercepatkan di mana Lembaga Pembangunan Labuan, Bahagian Kemajuan Wilayah, Jabatan Perdana Menteri dan juga Majlis Perbandaran Labuan, ketiga-tiga agensi ini yang saya difahamkan, seperti yang saya sarankan dua tahun lalu di Parlimen ini supaya dijadikan satu, menjadi

realiti dan dipercepatkan supaya tidak terlalu banyak kerenah birokrasi wujud di Labuan dalam mentadbir Labuan sama ada mentadbir sektor perniagaan luar pesisir ataupun perdagangan, pembangunan ekonomi tempatan. Ini perlu diberikan perhatian supaya kedua-dua agensi ini, baik LOFSA ataupun LDA ataupun agensi baru yang akan ditubuhkan ini dapat memberikan perhatian dan mengadakan satu koordinasi yang baik untuk mengangkat Labuan pada kadar yang cukup cepat untuk benar-benar dapat statusnya sebagai sebuah pusat kewangan antarabangsa yang terunggul.

Perkara yang terakhir, Tuan Yang di-Pertua, ialah berkenaan dengan apa yang dinyatakan oleh saudara saya dari Kepong tadi iaitu tentang pengwujudan sebuah universiti antarabangsa yang telah pun disuarakan di Dewan ini kira-kira 15 ataupun 18 tahun yang lalu dan sehingga hari ini ianya tidak menjadi realiti dan mungkinlah ada sebab-sebab tertentu mengapa ianya tidak dapat dilaksanakan. Dengan kedudukan Labuan pada hari ini dan saya difahamkan bahawa sebuah kompleks serba guna akan siap dibina tidak berapa lama lagi dengan kompleks perumahan, kompleks sekolah dan sebagainya dalam satu kawasan yang strategik dan ini akan menempatkan semua pegawai dan kementerian atau jabatan yang wujud di Labuan pada masa ini ditempatkan di satu tempat yang sama. Maka baru-baru ini saya telah mengemukakan satu kertas kepada kementerian untuk dipertimbangkan supaya bangunan ini dapat dijadikan sebagai sebuah kampus yang baru, yang boleh kita namakan sebagai Universiti Antarabangsa yang akan menyediakan kursus-kursus yang ada hubung kait dengan perniagaan luar pesisir atau peniaga-peniaga yang ada hubung kait dengannya.

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Kepong bangun.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat sedar tadi Yang Berhormat kata cadangan saya tidak relevan, apa tak relevan? *[Ketawa]* Sekarang dia berminat untuk membincangkan masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, baik saya mencadangkan supaya Yang Berhormat dari Labuan fikir dengan baik-baik. Kalau kita hendak adakan sebuah universiti dengan begitu sahaja, itu di Labuan, mustahil. Kena tubuhkan satu cawangan yang kecil dahulu, kemudian lama kelamaan kita jadikan sebuah universiti. Itu caranya. Kalau hendak tubuhkan sebuah universiti dengan begitu sahaja, itu sia-sia sahajalah kerana kita tidak cukup bilangan pelajar dan juga bilangan pengajar, itu masalah. Saya mesti beritahu dia sedikit kerana memang dia tidak begitu mengambil perhatian mengenai masalah pendidikan.

Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit: Tuan Yang di-Pertua, saya menyatakan tidak relevan cuma saya menyentuh apa Yang Berhormat katakan tentang universiti. Universiti ini sebenarnya telah pun disuarakan dalam Dewan ini 15, 18 tahun yang lalu, bukan Yang Berhormat yang mengemukakannya. Saya cuma sentuh tadi, beri kredit sedikitlah supaya ada relevannya sedikit dengan konteks ucapan saya tetapi tidak relevan dengan konteks rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat sebutkan kampus ini memang sudah dicadangkan pun. Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah mengumumkan bahawa cawangan Universiti Malaysia Sabah dan juga ITM dibenarkan untuk menubuhkan cawangannya di Labuan. Yang saya cadangkan di sini ialah penubuhan sebuah Universiti Antarabangsa yang baru. Yang Berhormat mengatakan tidak cukup pelajar, tidak cukup tenaga pengajar. Yang kita cadangkan ialah Universiti Antarabangsa. Sudah tentulah bila kita sebutkan Universiti Antarabangsa ianya melibatkan pelajar-pelajar daripada negara-negara lain.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Ini menunjukkan Yang Berhormat dari Labuan tidak tahu 15 tahun yang lepas saya ada di sini, saya dengar dengan baik-baik. Saya ada sebutkan tadi perkara ini dibangkitkan berkali-kali dan masalahnya kalau kita bercita-cita terlalu tinggi, susahlah hendak kita adakan - sangat susah, kerana kekurangan tenaga pengajar sahaja adalah sangat serius di negara

ini. Universiti Antarabangsa ASEAN yang disebutkan tidak diterima. Kita pernah bincangkan dengan ahli-ahli Parlimen daripada ASEAN tetapi isu ini tidak diterima kerana akan diadakan di Malaysia, siapa yang hendak tolong? Itu masalah.

Jadi saya cadangkan Yang Berhormat dari Labuan ini balik ke Labuan kita tinjau keadaan yang sebenarnya sebelum kita datang ke sini untuk berucap sebab lebih 15 tahun, yang bermula dengan Haris Salleh lagi, itulah masanya, saya ada di sini. Ini menunjukkan Yang Berhormat kurang berfikir dengan matang mengenai masalah ini.

Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit: Yang Berhormat ini kadang-kadang Yang Berhormat Timbalan Menteri selalu mengatakan penyakit Yang Berhormat ialah cirit birit, mulut ini tak pandai habis, tak pandai baik-baik juga. [Ketawa] Memang tak baik kerana Yang Berhormat ini pakar penyakit kulit, jadi tak boleh mengubati penyakit 'cirit birit' mulut ini.

Saya mencadangkan dengan asasnya memang kita sediakan kertas pun telah kita majukan kepada kerajaan untuk pertimbangan, terpulanglah. Saya cuma sekadar untuk menyebutkannya di sini kerana saya rasa ada relevannya dengan pembangunan untuk membangunkan ekonomi tempatan. Pengwujudan sebuah universiti adalah antara yang terbaik bagi menyediakan dan menambahkan engine of growth di Labuan dalam konteks pembangunan ekonomi tempatnya. Maka dengan itu, kita telah menyediakan sebuah kompleks yang hampir siap, mungkin awal tahun depan dan mungkin sesuai kita gunakan ini sebagai sebuah kompleks Universiti Antarabangsa dan pegawai-pegawai, jabatan-jabatan yang ada di Wilayah Persekutuan pada hari ini yang menyewa di kedai-kedai dan premis-premis yang dipunyai oleh orang-orang persendirian ini boleh menggunakan financial park atau ujana kewangan yang besar, hanya 20%, 30% digunakan pada hari ini.

Jadi apa salahnya kompleks ujana kewangan ini digunakan oleh pejabat-pejabat kewangan, sementara ianya diisi penuh mungkin dalam 10, 15 tahun akan datang. Kita gunakan ini dan kita jadikan kompleks yang disediakan untuk menempatkan pegawai-pegawai kerajaan ini dijadikan sebuah pusat pengajian tinggi di negara kita. Soal tenaga pengajar saya rasa tidak ada masalah kalau ianya ada konteks dengan menyediakan kursus-kursus yang ada hubung kait dengan industri kewangan kerana kita mempunyai pakar-pakar yang sudah berada di Labuan pun yang boleh menjadi tenaga pengajar.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin] *mempengerusikan Mesyuarat*]

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Di sini kita ada Timbalan Menteri Pendidikan dan juga Menteri Pendidikan, bolehkah Yang Berhormat bercadang berbincang terus dengan Menteri Pendidikan kerana masalah ini kita tidak ada masa untuk membincangkan hanya masalah pendidikan. Kalau boleh, tubuhkan urus setia antarabangsa dengan begitu sahaja, esok saya setuju, tetapi cita-cita ini memang tidak boleh dilaksanakan. Cuma saya cadangkan bagi kebaikan semua pihak, Yang Berhormat berbincang dengan pihak Kementerian Pendidikan untuk mengetahui keadaan yang sebenarnya.

Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit: Saya ingat Yang Berhormat pun sudah bercelaru, dia mengatakan tidak boleh. Saya tidak tahulah bila Yang Berhormat dapat jawatan jadi Menteri Pendidikan. Tak apalah, soal itu kita bincang kemudian. Saya cuma di sini setakat untuk mengemukakan cadangan ini, mungkin kalau boleh diberikan perhatian oleh Kementerian Kewangan yang bertanggungjawab sepenuhnya tentang pembangunan Labuan dalam semua aspek.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja yang dapat saya majukan dalam konteks perbahasan Rang Undang-undang Perindustrian Sekuriti Luar Pesisir Labuan 1997. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Rompin.

5.17 ptg.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon menyertai perbahasan tentang Rang Undang-undang Perindustrian Sekuriti Luar Pesisir Labuan 1997.

Saya mengucapkan syabas kepada kerajaan khususnya kementerian kerana membentangkan satu lagi inisiatif iaitu untuk mewujudkan industri sekuriti luar pesisir Labuan. Ini satu lagi usaha untuk membangunkan Labuan sebagai satu pusat kewangan luar pesisir antarabangsa atau IOFC. Ahli Parlimen Labuan patut berterima kasih. Mungkin Yang Berhormat dari Kepong iri hati, sebab itu dia banyak bercakap tak tentu arah. Betul, kalau boleh, dia hendak cadangkan Bukit Kepong dijadikan IOFC, mungkin. Dia buat longkang, diletaknya satu pulau, itu IOFC. [Ketawa] Sebab dia iri hati dengan Yang Berhormat dari Labuan.

Kalau dilihat dari segi pembangunan Labuan sebagai Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan (LOFSA) ini inisiatif untuk membentangkan Rang Undang-undang Perindustrian Sekuriti Luar Pesisir Labuan amat baik dan kita mengucapkan syabas. Oleh kerana itulah dengan adanya undang-undang ini akan diadakan penubuhan pelbagai jenis dana, wujudnya syarikat-syarikat pengurusan serta juga dengan penubuhan satu bursa atau security exchange pesisir ini akan memberikan satu lagi pertumbuhan kepada pembangunan Labuan itu sendiri. Oleh kerana itu, Yang Berhormat dari Kepong boleh masa akan datang pergi buat lawatan lagi ke Labuan. Saya ingat LOFSA boleh bayar bil dia, tidak ada masalah. Tetapi bila sudah bayar semua sekali, macam hari itu dia kompelin pula kata ada bocor. Hendak bangun? [Ketawa] Rumah pun bocor, dia tidak sedar. Di hotel bocor, dia kompelin. Bocor pada mulut itu sudah biasa.

Saya mengucapkan syabas juga dilihat dalam akta ini banyak peruntukan seperti peruntukan untuk pengurusan dan pentadbiran dana, peruntukan untuk pemegang amanah, pengawalseliaan, perlindungan, rayuan, peruntukan fee. Amat jelas saya nampak bahawa rang undang-undang ini lengkap dan marilah kita berdoa supaya exchange bill ini untuk pembangunan dana bagi luar pesisir dapat kita wujudkan secepat mungkin.

Satu perkara saya hendak bertanya, sebab banyak telah dihujah oleh Yang Berhormat dari Labuan, bagi dia ini memang penting untuk pembangunan kawasan dia, mungkin masa akan datang dia pula boleh jemput kita datang ke sana. Jemputan dahulu dijemput oleh LOFSA, mungkin Yang Berhormat dari Labuan sendiri hendak menjemput kami sekalian untuk datang ke sana pula dengan keluarga sebab kami tidak boleh pergi luar negeri bawa keluarga, di Labuan saya rasa masih boleh, dalam Malaysia saya kira.

Saya melihat salah satu tajuk yang kita nampak di sini, seperti yang Dato' Timbalan Menteri mengatakan, memperjelaskan pertindihan kuasa. Sekarang ini semua industri sekuriti ialah di bawah kawalan SC dengan salah satu matlamat, tadi dimaklumkan supaya dapat diperjelaskan kuasa-kuasa di antara Suruhanjaya Sekuriti (SC) dengan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan (LOFSA) ini. Oleh kerana itu, peruntukan undang-undang ini perlu diwujudkan.

Saya nampak bahawa dalam satu perkara iaitu dalam seksyen 29(8)(a)(iii), nampaknya masih ada lagi peruntukan-peruntukan dalam akta ini di mana dirujuk kepada SC sendiri. Ini saya minta sedikit penjelasan kerana dalam isu 'pembeli terkecuali' ini, iaitu pemastautin yang tinggal di Malaysia untuk menjadikan sebagai pembeli terkecuali, mereka ini perlu mendapat kebenaran SC. Saya tidaklah begitu pakar tetapi kalau kita lihat dari segi matlamat tadi bahawa Rang Undang-undang Perindustrian Sekuriti Luar Pesisir Labuan ini diwujudkan supaya tidak ada pertindihan, supaya ada satu kuasa yang terang atau tidak ada satu ambiguity di antara dua badan nanti.

Kalau ada ambiguity tentang tanggungjawab dan kuasa di antara SC dengan security exchange luar pesisir nanti, dari segi pentadbiran mungkin akan memberikan

masalah, mungkin akan membawa kepada isu-isu pelaksanaan, isu-isu penguatkuasaan yang mungkin bercanggah di antara dua badan, sebab kedua-dua badan ini penting. Yang satunya ialah untuk membangunkan industri sekuriti dalam negara kita, ini amat penting untuk membangunkan negara kita sebagai satu negara yang maju. Yang kedua, satu lagi industri sekuriti yang mahu diwujudkan iaitu untuk luar pesisir, ini pun penting juga. Dengan adanya dua badan nanti akan terbangunlah atau satu pertumbuhan yang baik dalam industri sekuriti, satu untuk domestik, dan satu untuk pesisir.

Dalam perkara ini saya minta penjelasan dari Dato' Timbalan Menteri bagaimana ternampaknya daripada saya macam ada sedikit kuasa yang berkait atau bertindih antara dua ini. Adakah perkara ini nanti akan menjadikan satu masalah kepada kedua-dua badan ini, sebab kedua-dua badan ini penting untuk membangunkan industri sekuriti di negara kita, seperti saya katakan tadi, satu untuk domestik sekuriti dan satu lagi untuk sekuriti luar pesisir.

Saya tidak banyak hendak menyebut, begitu juga kita mengucapkan syabas kepada kerajaan. Nampaknya dalam rang undang-undang ini ditafsirkan juga peranan Akta Syarikat Domestik di mana untuk mereka membawa dana ke Labuan tidak lagi perlu merujuk kepada Akta Syarikat kerana syarikat-syarikat yang mahu melibatkan diri dalam industri sekuriti di Labuan adalah tertakluk kepada LOFSA, oleh kerana itu tidak perlu dirujuk kepada Akta Syarikat Domestik. Ini satu usaha yang baik dan satu tindakan technical detail yang baik, saya mengucapkan syabas. Oleh kerana itulah saya ingin menyokong rang undang-undang ini. Yang Berhormat dari Kepong tidak tahulah, yang dia tahu, dia bangun hendak bercakap, dia pun pusing kiri, pusing kanan, barulah dapat satu idea; pusing kiri, pusing kanan dapat idea yang kedua; pusing kiri, pusing kanan dapat idea yang ketiga - itulah Yang Berhormat dari Kepong. Saya ingat Ketua Pembangkang dari Tanjong tolonglah beritahu kepada Yang Berhormat dari Kepong, kalau hendak bercakap suruhlah bersedia sedikit.

Oleh kerana itu, saya sekali lagi berbalik kepada akta ini. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Tanjong.

5.26 ptg.

Tuan Lim Kit Siang [Tanjong]: Tuan Yang di-Pertua, dalam krisis kewangan dan ekonomi baru-baru ini kerajaan ambil satu tindakan yang sangat hyper-file untuk mengutuk broke speculators, mereka yang manipulasikan pasaran mata wang dan merosakkan ekonomi negara-negara yang kecil. Ini kita ada bersetuju bahawa ada spekulator-spekulator, manipulator-manipulator yang mencetuskan krisis oleh kerana manipulasi mereka dalam pasaran mata wang. Sungguhpun kita tidak bersetuju bahawa kita boleh menyalahkan seratus peratus ataupun majoriti tanggungjawab kepada spekulator-spekulator, tetapi itu hal yang lain.

Point saya ialah kalau kita ambil satu pendirian yang begitu jelas dan tegas terhadap manipulator-manipulator, berbeza daripada spekulator-spekulator, manipulator-manipulator dalam pasaran mata wang, orang yang tidak ada morality, orang yang tidak ada conscience, apakah tindakan kita ada ambil selama ini terhadap manipulator dalam KLSE yang menjadikan KLSE sebagai satu kasino, tak kira kepentingan pelabur-pelabur kecil. Oleh kerana mereka ada inside information atau ada hubung kait dengan pihak-pihak tertentu, bebas untuk manipulasikan pasaran saham.

Apakah tindakan tegas yang pernah diambil, yang berkesan terhadap mereka atau adakah kita double standards kepada George Soros? Kita hentam, kutuk, tetapi kepada George Soros - kalau interpretasi itu benar - George Soros dalam pasaran Malaysia, nampaknya pihak kerajaan, pihak berkenaan sangat tolerant dan tidak rela untuk memberi satu akauntabiliti dan satu ketelusan yang boleh memberi kepercayaan kepada orang ramai. Inilah sebab, antara lain, saya sangat tidak puas hati bahawa

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri langsung tidak jawab perkara yang saya bangkitkan semalam khasnya mengenai urus niaga UEM-Renong RM2.34 bilion itu.

Apabila satu malapetaka korporat yang terbesar sekali di dalam recent times, di mana dalam krisis lima bulan ialah yang menyebabkan kejatuhan KLSE Composite Index 19.58% daripada 667.29 ke 536.62 mata dalam tiga hari, sapu habiskan RM70 bilion wang pelabur dalam pasaran saham. Kenapa tidak ada jawapan, penjelasan mengenai perkara-perkara yang saya bangkitkan khasnya ada lima perkara saya ada bangkitkan.

Satu, sama ada benar bahawa UEM-Renong Deal sebenarnya satu bail-out untuk Tan Sri Halim Saad oleh kerana pembeliannya National Steel Corporation di Filipina yang berbelanja 800 juta Dolar Amerika daripada Vintac Holdings Bhd. melalui proksinya Abdul Rashid Manap melalui syarikat shellnya Hong Kong Base Hock Tick Investment Limited pun ambil alih semua liabiliti. Itu perkara pertama yang saya hendak tanya, kenapa tidak ada jawapan.

Kedua, sama ada benar bahawa empat bank, Maybank, Rashid Hussin Bank, Bank of Commerce berkongsi dalam satu syndicated loan 400 juta Dolar untuk Abdul Rashid Manap pada bulan Disember lalu dan ini 800 juta Dolar Amerika, loan ini dijamin oleh Halim Saad menggunakan saham-saham Renong sebagai collateral. Kenapa tak jawab?

Ketiga, sama ada benar bahawa empat bank ini sudah melanggar satu peraturan mengenai single customer limit di mana satu bank pun tidak boleh melebihi single customer limit kepada seorang pelanggan di mana Maybank, single customer limit ialah RM450 juta untuk Bank Bumiputra dan Rashid Hussein - RM250 juta dan untuk Bank of Commerce hadnya pula ialah RM150 juta. Semua ini dilangari oleh kerana setiap bank memberi US\$200 juta kepada Abdul Rashid Manaf pada bulan Disember lalu menjadi RM500 bilion.

Keempat, sama ada benar bahawa UEM-Renong deal dipaksakan oleh kerana kejatuhan yang begitu drastik saham Renong, yang digunakan sebagai collateral oleh Halim Saad dalam personal guarantee untuk pinjaman sebanyak US\$800 juta oleh kerana kejatuhan saham Renong iaitu pada bulan Januari harganya RM4.58 sen. Manakala pada 17 November 1997 masa untuk pengumuman deal itu ia telah turun RM2.90 sen, kejatuhan 36.68%. Ini bererti bahawa collateral itu yang menggunakan saham Renong perlu ditop-up dan kalau kita kira 37% daripada US\$800 juta bererti US\$300 juta atau dalam exchange hari ini lebih daripada RM1 bilion dia perlu top up. Itulah sebab perlunya UEM-Renong deal.

Soalan yang kelima, saya sudah tanya semalam, sama ada benar bahawa keempat-empat bank ini mereka memberi pinjaman untuk pembelian 32.6 stake dalam Renong oleh UEM dengan pinjaman sebanyak RM2.34 bilion iaitu pinjaman datangnya dari keempat-empat bank ini yang bertanggungjawab untuk memberi sebanyak US\$800 juta kepada Halim Saad melalui proxynya untuk membeli National Steel Corporation Philippine.

Saya ada lima soalan yang baru. Yang pertama, bukankah benar bahawa Abdul Rashid Manaf seorang peguam yang praktis di dalam Kuala Lumpur tidak ada credit worthiness yang boleh justifikasikan satu pinjaman sebanyak US\$800 juta.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Diminta Yang Berhormat memberi penjelasan apa kaitan dengan rang undang-undang ini?

Tuan Lim Kit Siang: Ya, ini mengenai sekuriti - UEM....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang ada.....

Tuan Lim Kit Siang: UEM sekuriti,

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Sekejap Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang:kalau ini berlaku dalam Labuan, Labuan habis dalam dunia.....

Seorang Ahli: Keluar tajuk, keluar daripada tajuk..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Nampaknya Yang Berhormat bukan.....

Tuan Lim Kit Siang:Labuan habis dalam dunia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Pandangan saya rang undang-undang ini berkaitan dengan pelaburan di Labuan.

Tuan Lim Kit Siang: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat

Tuan Lim Kit Siang: Ya, Sekuriti. Mengenai cara.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Fasal Renong, fasal hal-hal.....

Tuan Lim Kit Siang: Ya, cara.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya!

Tuan Lim Kit Siang: ini patut menjadi satu iktibar, lesson, supaya kalau ini berlaku habislah - Labuan.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar]:
[Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, ada yang bangun.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, boleh.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, semalam saya telah menjawab bahawa soalan-soalan dari Yang Berhormat yang dikemukakan semalam di bawah Bil Pertukaran sedang di dalam penyiasatan, yang saya menyebutkan semalam bahawa Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sedang menanti laporan-laporan ini, sebab itu saya tidak boleh beri. Jadi, Yang Berhormat kata perkara ini telah pun dijawab oleh Dato' Munir Majeed, tetapi apa yang saya kata, yang penting dan muktamad ialah jawapan daripada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Timbalan Perdana Menteri, itulah sebabnya saya tidak menjawab semalam.

Saya mencadangkan kepada Yang Berhormat hari ini ialah mengenai Labuan, tetapi di dalam senarai perbincangan kita ada dua rang undang-undang lagi iaitu Rang Undang-undang Perindustrian Sekuriti (Pindaan) 1997 yang akan dibawa pada hari Isnin. Jadi, Yang Berhormat bolehlah bertanya dalam Rang Undang-undang ini, ini adalah mengenai dengan IOFC Labuan, Yang Berhormat bolehlah bawa dalam perbincangan itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya.

Tuan Lim Kit Siang: Oleh kerana masa.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Yang Berhormat

Tuan Lim Kit Siang: dalam satu krisis.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kita ada.....

Tuan Lim Kit Siang: masa dalam krisis ekonomi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kalau boleh sepertimana yang Timbalan Menteri katakan, kita ada satu bil Yang Berhormat boleh.....

Tuan Lim Kit Siang: Ya, saya akan pendekkan supaya.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: sebut perkara ini supaya masa boleh kita jimatkan.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, supaya Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh mengambil catitan, oleh kerana dalam perkara untuk memulihkan keyakinan, kita tidak boleh berdalih (prevarication) atau ada satu kos yang tinggi. Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh catit dalam perkara ini, oleh kerana mengenai kredibiliti atau keyakinan kepada semua sistem kewangan di negara kita. Itu dua-tiga point sahaja.

Apabila siasatan dijalankan sama ada benar bahawa Halim Saad sebenarnya adalah beneficial owner dan 32.6% stake Renong yang dibeli oleh UEM, oleh kerana melalui satu laporan Borang 29A, bertarikh 26 November yang diberi kepada Renong dan copy kepada KLSE yang ada diterbitkan di dalam *The Sun* yang ada menyebut bahawa UEM ada membeli 'eight tranches of Renong shares Registered under various holders' totalling 732.883 million shares on November 17th. The first tranche for 340.2 million shares was registered under BOC Nominees (Tempatan) Sdn. Bhd. The second for 205.71 million shares was registered under HLB Nominees (Tempatan) Sdn. Bhd. The third was under Rashid & Lee Nominees (Tempatan) Sdn. Bhd. was for 67.407 million shares. Other blocks were 18.06 million shares; Lintasan Savana Sdn Bhd - 9 million shares; RHB Nominees - 1.5 million shares; Multi-Purpose Bank Nominees - 1 million shares; BHLB Nominees and 5 million shares registered under Pengkalan Nominees (Tempatan) Sdn. Bhd. Kalau ini benar bahawa beliau beneficial owners lapan tranches Renong shares ini sama ada beliau sudah melanggar atau membuat kesalahan di bawah Companies Act tidak membuat declaration, membuat kesalahan di bawah Code of Take-Over and Merger oleh kerana tidak ada memberi mandatory general offer kepada pemegang-pemegang saham minoriti, oleh kerana beliau dengan 23.3% personal stake, dengan nominee stake, sendiri sudah ada 55.9% stake dalam Renong, lebih daripada 33 trigger point. Itulah benar, mustahak dan kerajaan sentiasa memanggil dan menyeru bank-bank untuk lebih prudent bagi mengatasi krisis pembangkang. Oleh sebab itu baru-baru ini Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pun ada mengatakan bahawa bank-bank janganlah memberi pinjaman untuk hartanah yang tidak produktif atau untuk saham. Ia patut digunakan untuk hi-tech, kegiatan yang produktif di bidang high technology, di mana boleh mendapat foreign exchange earning semacam dalam pelancongan, export oriented sectors. Kalau begitu apakah justifikasi US\$800 juta untuk membeli National Steel Corporation Philippine.

Apa justifikasi RM2.34 untuk UEM membeli 32.6% stake dalam Renong? Kalau benar ada bank-bank yang sudah melanggar single customer limit, apakah keadaan, kedudukan semua bank? Adakah satu siasatan dibuat ke atas mega loan ini yang melanggar single customer limit? Inilah yang mengakibatkan krisis keyakinan. Jadi, sama ada lubang-lubang besar dalam bank-bank semacam di Yomaishi Jepun, ia ditutup oleh kerana ada 'Tobashi deal' di mana institusi-institusi kewangan menyembunyikan kerugian mereka dan pindahkan kerugian daripada satu akaun ke akaun yang lain dan Yomaishi yang four biggers brooking firm di Jepun adalah holds sehingga 260 bilion yen. Inilah yang menyebabkan kejatuhan itu.

Saya harap bahawa kita boleh mendapat penjelasan apabila Yang Berhormat Timbalan Menteri membentangkan Securities (Amendment) Bill, beliau boleh memberi penjelasan dalam perkara ini. Oleh kerana semalam dan hari ini demi

kepentingan orang ramai, demi keselamatan sistem sekuriti, sistem perbankan, sistem kewangan perkara ini ada dibangkitkan.

Saya berharap kita boleh mendapat satisfactory answers bagi sepuluh soalan mengenai UEM-Renong deal, kalau tidak perlulah satu siasatan terbuka a full public inquiry, jika kerajaan tidak mampu berbuat begitu. Sebenarnya inilah satu test case sama ada kerajaan serius untuk clean up sektor korporat termasuk sektor banking dan kewangan supaya ketelusan dan akauntabiliti tidak menjadi satu masalah dan penyakit besar di tanah air kita. Saya berharap bahawa dalam perkara ini kita boleh mendapat satisfactory answer di minggu hadapan.

Saya percaya Yang Berhormat Timbalan Menteri pun tahu mengenai beberapa laporan yang ada dikeluarkan, sungguhpun kita menghadapi satu krisis di rantau ini atau di benua ini, tetapi kedudukan Malaysia tidak sebegitu baik daripada apa yang kita mahu. Baru-baru ini ada satu laporan atau satu kajian yang dibuat oleh Business Risk Service (BERI) B - E - R - I ibu pejabatnya ialah di US. Kajian ini ialah menentukan mengenai kedudukan risiko negara-negara untuk pelaburan. Dahulu apabila kita ada mengenai World Competitiveness Report, kita mendapat kedudukan yang baik, Yang Berhormat Timbalan Menteri dan lain-lain menteri datang ke Dewan ini untuk highlight - itu kita terima, tetapi apabila ada laporan yang tidak retory, kita pun rela untuk menerima dan mencari sebab kenapa kedudukan kita sekarang tidak begitu menyenangkan. Mengikut laporan ini, mengatakan bahawa Singapura boleh mengekalkan kedudukannya sebagai 'Retain his position as a world second most profitable place to invest in for the next one to five years despite the currency to moil it has 'hit' the region'. Ini ada dalam November report of The Business Risk Service (BERI) which rank profit opportunity of 50 major countries for next year and the next five years. Untuk Malaysia, BERI give Malaysia a score of 57 down from 59. In its previous report in July dan in its analysits of Malaysia BERI noted that the government there has been slow to react to the crisis - has been slow to react to the crisis. Prime Minister Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad in temperate remarks a taking foreign currency speculators and the ill-judged measures to strengthen the collapsing stock market or so undermine confidence abroad'. Jangan ada lagi denial factorlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Yang Berhormat.....

Tuan Lim Kit Siang: Ini tunjuk denial factor masih ada, tidak rela.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat

Tuan Lim Kit Siang:tidak rela mendengar,

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat.....

Tuan Lim Kit Siang:mahu menerima atau tidak mahu menerima hal yang lain - dengar bad news.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat

Seorang Ahli: Hey! Tariklah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat.....

Tuan Lim Kit Siang: Oh! bad new tidak mahu dengar.

Seorang Ahli: [Menyampuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat dari Tanjong, saya sudah perhatikan ucapan Yang Berhormat

Seorang Ahli: Apa konteks.....[Menyampuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:tidak berkaitan dengan Labuan, itu bil sepertiimana Yang Berhormat Timbalan Menteri katakan tadi.

Tuan Lim Kit Siang: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kita ada bil-bil yang lain, Yang Berhormat boleh sentuh berkaitan dengan currency dan.....

Tuan Lim Kit Siang: Ya, saya akan gulung.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: kita tidak banyak masa Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, mengenai IOFC, kalau negara tidak boleh memulihkan kepercayaan ekonomi kewangan mana ada IOFC. IOFC will disappear, Labuan will disappear, sama ada IOFC Labuan boleh berjaya atau tidak berjaya, ia bergantung kepada kebolehan kita untuk memulihkan keyakinan terhadap ekonomi kita. Kalau kita terus ada sikap begini dan pada minggu yang lalu saya ada menyebut mengenai tiga monyet - tiga monyet. Yang Berhormat dari Rompin sangat marah, siapa monyet? Tengoklah *Far Eastern Economic Review* baru-baru ini, tiga monyet - tiga orang keluar.....

Seorang Ahli: Siapa monyet!

Tuan Lim Kit Siang: Ha!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Tengoklah *Far Eastern Economic Review*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat minta pendekkan.

Tuan Lim Kit Siang: Ya.

Seorang Ahli: [Menyampuk]

Tuan Lim Kit Siang: *Far Eastern Economic Review* yang menunjukkan masalah itu bukan sahaja di Malaysia, tetapi Korea Selatan - itu tiga monyet yang cover storey on Korea Selatan. Itulah sindrom tiga monyet - sindrom tiga monyet bersama dengan sindrom denial factor. Denial syndrom ialah sindrom tiga monyet dan saya harap kalau kita mahu ada landasan yang sebenar supaya memulihkan keyakinan janganlah kita ada 'sindrom tiga monyet'.

Saya berharap akhirnya Yang Berhormat Timbalan Menteri bolehlah dalam perkara ini mengambil satu sikap yang sangat serius oleh kerana kita lihat masalah lebih serius bukan sahaja di rantau ini, tetapi di Asia, di dunia. Ini mungkin satu global trap sudah muncul, oleh kerana turmoil ekonomi yang nampaknya sungguhpun ada campur tangan IMF tidak boleh berjaya untuk meredakan. Jadi, kita perlulah mengambil sikap yang serius dalam perkara ini, di masa kita mengemukakan beberapa rang undang-undang IOFC dan lain-lain, isu yang lebih pokok ialah cara, kesanggupan kita untuk menangani krisis ekonomi dalam satu masa di mana ada orang yang menyebut bukan sahaja recession akan berlaku, mungkin depression, bukan sahaja di Malaysia, mungkin di dunia. Dalam keadaan yang begitu buruk fundamental prerequisite ialah kita menunjukkan kepada dunia bahawa sindrom tiga monyet, kita habiskan dalam negara kita.

Sekian, terima kasih.

Tuan M. Kulasegaran: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Yang Berhormat dari Teluk Intan, nampaknya masa kita tidak mencukupi untuk hari ini, saya dapat beri Yang Berhormat.....

4.58 ptg.

Tuan M. Kulasegaran: Boleh saya diberi 5 minit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Lima minit boleh, jangan lebih ya.

Tuan M. Kulasegaran: Lima minit sahaja, saya janji. Lima minit sahaja - janji.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi saya peluang untuk membahas dalam Rang Undang-undang Perindustrian Sekuriti Luar Pesisir Labuan 1997.

Tuan Yang di-Pertua, pada hari ini saya ingin menyentuh mengenai Klausula 3 iaitu mengenai 'Mutual Fund' dan berkaitan dengan Klausula 15 dan Klausula 16. Lebih kurang 10 tahun yang lalu, beberapa orang rakyat Malaysia telah melabur berjuta-juta ringgit dalam KLSE dan sebagainya. Baru-baru ini pula ramai orang Malaysia telah melabur wangnya di mutual fund, seperti terkandung di Akta yang dicadangkan, mutual fund adalah disebut beberapa kali di Akta yang dicadangkan.

Saya ingin memberitahu dari apa yang saya ketahui bahawa pada mulanya bila sesebuah mutual fund ingin dimulakan, mereka memberi beberapa cadangan iaitu mereka akan membayar dividen 10% dan akan memberi bonus dan memberi syer-syer yang tertentu. Tetapi selepas beberapa tahun atau dua-tiga tahun kebelakangan perkara ini tidak terjadi. Baru-baru ini di Malaysia beberapa mutual fund bukan sahaja tidak menunaikan apa yang mereka janji tetapi dividen sangat kurang, hingga kurang dari wang yang disimpan di bank (fixed deposit). Baru-baru ini juga ada syarikat yang telah memberi dividen sebanyak 2.5%. Berkaitan dengan ini juga Yang Berhormat Timbalan Menteri yang ada di Dewan yang mulia ini telah juga mengesyorkan supaya rakyat Malaysia melabur di 'unit trust'. Dengan izin, saya ingin membaca apa yang ditulis di surat khabar, yang mana beliau telah mengatakan:

"The Minister today reminded the people to increase their saving in Unit Trust Scheme to boost the country liquidity. This is one of the measures to mobilise capital available the country beside relying on foreign investment. If everybody start saving and increases his investment it will stimulate our economy in the capital market".

He told reporters after launching ASN Tanjong Piai balance once. Tetapi Yang Berhormat Menteri mungkin akan memberi penjelasan yang tertentu. Walaupun orang ramai telah melabur dalam mutual fund yang juga akan melabur di Labuan, tetapi dividennya tidak baik langsung di negara ini. Sebenarnya 'unit trust' yang dijual RM1 pada mulanya, sekarang telah jatuh hingga 50 sen, ramai orang Malaysia yang telah bersara, yang telah percaya kepada 'unit trust' ini telah melabur semua saving mereka dalam 'unit trust'. Jadi, yang telah terjadi dan apakah syor-syor yang tertentu kerajaan boleh beri kepada orang-orang yang terlekat dengan perkara semacam ini dan supaya mengelakkan ia terjadi untuk menyekatkan lagi. Seperti yang saya katakan, setelah ia beroperasi beberapa tahun mereka tidak mengikut janji yang mereka beri pada mula-mulanya. Satu lagi perkara ialah bila mereka melabur atau mereka membeli dengan harga RM1, mereka mengatakan ia boleh dijual balik dalam lingkungan RM1 atau 99 sen. Tetapi tidak lama selepas itu harga itu sengaja dikurangkan ke 70 sen dan 80 sen kerana tidak membenarkan mereka mengeluarkan atau menjual syer-syer tersebut. Jadi, kalau kita lihat kepada Klausula 16 dan Klausula yang terakhir di Akta tersebut, satu standardise clause, dengan izin, yang semua pelajar undang-undang akan tahu. Dengan kebenaran, saya ingin membaca dalam bahasa Inggeris lebih easy. Dengan izin:

"The rules of equity and common law applicable to mutual funds shall continue in force, except so far as they are in consistent with the express provisions of this Act."

Pada pandangan saya perkara ini tidak cukup. Kita perlukan beberapa peruntukan yang tertentu untuk memberi satu definisi yang terkawal kepada pengguna di Malaysia ini. Yang terkandung di Clause 16 adalah standard, yang tidak ada, dengan izin, save guard kepada pengguna-pengguna. Jadi, saya syorkan lima perkara supaya kerajaan dapat mempertimbangkan. Antaranya ialah.....

Boleh saya berucap?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
[Mengangguk kepala]

Tuan M. Kulasegaran: Terima kasih.

Yang pertama, semua pekerja-pekerja yang mengendalikan syarikat kumpulan wang iaitu mutual fund dimestikan memegang syer-syer, kerana pada masa sekarang kebanyakan pekerja-pekerja dan ada directors yang tidak memegang satu sen syer pun dalam mutual fund ini. Ini menunjukkan mereka tidak berapa kuat atau tidak ada standing dalam syarikat, tetapi ingin membuat wang sahaja dari syarikat tersebut.

Yang kedua, syarikat-syarikat kumpulan wang iaitu mutual fund yang tidak beroperasi atau tidak membayar dividen yang berpatutan perlu disatukan atau dibubarkan. Selain dari itu saya juga syorkan, mungkin dalam regulation yang akan disyorkan oleh kerajaan akan dapat mempertimbangkan apa yang saya kata.

Yang ketiga, saya syorkan bahawa harga jualan juga dapat ditentukan, bukan seperti sekarang free market, bila kita beli RM1, tetapi bila kita hendak menjual ia menjadi hingga 50 sen.

Yang keempat, dividen-dividen yang mereka buat iaitu profit margin perlu diisytiharkan di semua pejabat iaitu track rekod dalam masa lima tahun, dalam prospektus perlu ada dan sebagainya. Selain dari itu, saya juga syorkan kalau tidak ada dividen yang dibayar atau dividen yang sangat kurang dibayar, pekerja-pekerja mutual fund tidak patut dibayar bonus atau menaikkan gaji mereka. Ini adalah satu perkara yang tertentu, yang perlu diambilkira, kerana mengikut Klausula 16 ini.....

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ada yang bangun Yang Berhormat, masa sudah habis ya. Hendak beri jalan? Masa Yang Berhormat sudah habis, tidak ada masa.

Tuan M. Kulasegaran: Biar saya habiskan, lain kalilah Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Minta gulung Yang Berhormat.

Tuan M. Kulasegaran: Ya. Pada pengetahuan saya dan apa yang saya baca pada klausula 16, ini menunjukkan satu standard regulation yang tidak cukup, tidak efektif, dengan izin, tidak protect consumers or protect share holders atau pihak-pihak yang ingin membeli syer, kerana kebanyakan orang yang membeli syer di syarikat-syarikat bursa sekarang diajak dan disyor supaya membeli di mutual fund. Saya kluatir mutual fund juga akan menjadi satu bubble situation.

Saya percaya macam Pearl Pacific Bank yang dianjurkan 7 bulan sebelum ini dan saya sendiri telah diberitahu bahawa sekarang RM1, dalam tempoh 15 tahun ia menjadi RM7, tetapi sekarang telah turun menjadi 50 sen. Jadi, apa yang akan terjadi pada perkara ini? Saya harap.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Tuan M. Kulasegaran: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, diminta jawab.

5.56 ptg.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan Yang Berhormat dari Kota Melaka, Kepong, Labuan, Rompin, Tanjong dan Teluk Intan.

Saya ingin menyatakan bahawa semua persoalan yang dibawa oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka dan Tanjong adalah persoalan mengenai industri sekuriti yang ada sekarang dan sebagaimana yang saya kata tadi, saya telah mencatat segala teguran dan juga pertanyaan untuk dijawab apabila dua lagi pindaan kepada Industry Security Act yang akan dibuat pada minggu hadapan. Jadi, tidak perlulah saya menjawab kerana pada petang ini saya ingin menjawab mengenai dengan perkara-perkara yang dibangkit secara substantif terhadap akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menjawab satu persatu pertanyaan dan juga kemusykilan yang dibangkit oleh Yang Berhormat dari Kepong, Labuan dan Rompin saya hendak menjawab teguran Yang Berhormat dari Teluk Intan dahulu, kerana Yang Berhormat dari Teluk Intan mungkin sedia maklum bahawa pelaburan di dalam 'unit trust' ataupun di dalam mutual fund adalah satu pelaburan aggregate, yang diuruskan oleh pengurus-pengurus dana profesional. Di dalam keadaan market ataupun pasaran naik, maka tidak ada masalah. Yang Berhormat bangkitkan hal ini apabila pasaran turun sekarang, misalannya ada dua-tiga 'unit trust' seperti Amanah Saham Johor, yang dahulu naik sampai RM1.70 sen, tetapi pada masa itu tidak ada siapa yang memujinya, tetapi sekarang turun sehingga 60 sen, 70 sen orang sudah bising.

Saya setuju dengan apa Yang Berhormat sebut mengenai dengan peruntukan di bawah Seksyen 16 iaitu mengenai pemakaian Common Law, tidak ada satu perkara yang detail untuk mempertahankan protection of the investors. Tetapi kita tengoklah apa yang akan berlaku di dalam pasaran, mungkin pada satu hari kita pasti dapat mengadakan sedikit sebanyak peraturan yang dicadangkan, tetapi Yang Berhormat mesti maklum di dalam kita melabur, kita menghadapi banyak risiko. Pelaburan bukan simpanan, pelaburan bukan tabungan. Banyak peluang untuk menyimpan wang tabungan yang ada selain daripada 'unit trust', yang paling selamat ialah saving accountlah ataupun yang paling selamat ialah current account, tetapi tidak dapat pendapatan, juga bon-bon yang dikeluarkan oleh kerajaan serta syarikat-syarikat korporat. Jadi, sesiapa yang hendak melabur, tabungan lain - saving, labur ialah investment, siapa yang hendak melabur, hendak pilih, macam saya kata tadi, hendak pilih medium atau pelaburan yang paling selamat ialah 'unit trust' (mutual fund) khususnya orang-orang marhaen, orang-orang yang tidak ada wang, tetapi hendak melabur kerana pelaburan mereka akan diuruskan oleh pengurus dana yang profesional. Saya kata ini bukan 'saving' tetapi melabur. Itu qualification yang pertama, kalau dia tidak mahu melabur, maka dia boleh saving, jika dia tidak mahu mengambil risiko. Tetapi apabila dia melabur bermakna dia mendedahkan dirinya kepada risiko. Yang Berhormat mesti....

Tuan M. Kulasegaran: [Bangun]

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Nanti sekejap, duduk dahulu. Yang Berhormat mesti sedar bahawa di dalam pelaburan macam ini ada dua sumber pendapatan. Satu ialah pendapatan daripada peningkatan appreciation of saham. Satu pendapatan daripada peningkatan nilai harga saham itu, iaitu kalau dia melabur RM1 naik RM1.20 jadi dia mendapat 20 sen untung - kalau dia jual, dia realise, tetapi kalau dia tidak menjual ia turun 50 sen, maknanya dia rugi. Itu satu sumber sahaja.

Sumber yang kedua, kalau dia tidak jual pun turun 60 sen, dia dapat lagi satu sumber pendapatan iaitu dividen. Walaupun sahamnya turun, tetapi dia akan dapat dividen. Jadi, Yang Berhormat apabila kita membincangkan hal ini, kalau hendak selamat betul, saving accountlah, bon dan lain-lain. Tetapi yang saya qualify, dengan

izin, yang pertama ialah kalau hendak melabur maka terdedah kepada risiko, tetapi yang paling selamat di dalam pelaburan ialah melalui mutual fund atau 'unit trust'.

Tuan M. Kulasegaran: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebelum ini Yang Berhormat Timbalan Menteri telah mengatakan telah 'setuju' bahawa mengikut klausa yang sedia ada di hadapan kita ialah rules of equity and common law. Jadi, lima perkara yang saya syorkan adalah kerana kita tahu, yang kita mengambil risiko bila kita melabur - itu saya setuju. Tetapi apa yang terjadi di negara ini sebelum ini adalah kebanyakan orang di Malaysia telah diberitahu "kamu laburlah income no problem! Return of ten per cent to twelfth per percent". Tetapi sekarang nampaknya kalau kita hendak terus terang kepada orang ramai, risiko melabur itu adalah sangat kurang kalau kamu melabur di mutual fund, tetapi lebih baik kalau kamu simpan wang di fixed deposit - itu lebih baik pada masa ini kerana ini that is assured return, kerana saya mendapat aduan bahawa orang-orang yang melabur selepas bersara, whole savings has been telah dilabur dengan mutual fund - habis, jika dia telah melabur sebanyak RM500,000, sekarang hanya tinggal RM250,000 sahaja dan dividennya sangat kurang. Yang dikatakan mereka akan dibayar dividen sebanyak 10%, 20% tidak ada lagi. Jadi, dalam keadaan ini bukankah kita patut memberitahu kepada orang-orang yang ingin melabur di Labuan, ini diminta ambil perhatian. Ini terjadi di negara ini, jadi kamu hendaklah berwaspada dan lebih baik kalau kita ada satu peruntukan yang tertentu dalam akta ini. Terima kasih.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Itu yang saya katakan, Yang Berhormat. Saya kata tadi saya qualify, kalau hendak selamat simpan dalam saving, buat penabungan jangan membuat pelaburan, itu sahaja. Tetapi Yang Berhormat kata perlu adakan, jadi kita akan meneliti dan kalau perlu diadakan peruntukan-peruntukan untuk menyelamatkan (protection of the investors) - itu akan kita kaji- okay.

Tuan Yang di-Pertua,

Tuan Lim Guan Eng: [Bangun]

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Sekejap, untuk Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, saya sudah katakan tadi semua point yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat adalah masuk di bawah Industries Security Act. Ia tidak masuk di dalam Labuan. Saya akan menjawab perkara itu apabila kita bentang pada minggu hadapan, mengenai dua Industry Securities Act yang akan kita buat pada minggu hadapan.

Tuan Lim Guan Eng: Minta jalan.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Kalau Yang Berhormat hendak tanya saya belum lagi bercakap.

Tuan Lim Guan Eng: Bukan, saya hendak bertanya yang tadi.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Hendak tanya yang tadi?

Tuan Lim Guan Eng: Ya. Tentu saya bersetuju dari segi ekonomi dan financial kerana kita hendak membuat satu diversify portfolio, itu sebabnya kita labur dalam mutual fund. Tetapi ini hanya dari segi teori sahaja, lebih-lebih lagi dalam keadaan ekonomi yang meleset, saya rasa apa yang berlaku ialah sebaliknya, malah kalau kita lihat dari segi kesan negatif, mungkin lebih menonjol lagi.

Di sini saya ingin bertanya sama ada Yang Berhormat setuju dengan keadaan ekonomi sekarang di mana capital interest adalah begitu rendah dan inflasi adalah naik. Bolehkah Yang Berhormat memastikan bahawa seperti yang saya sebutkan tadi, sungguhpun Yang Berhormat kata akan dijawab pada minggu hadapan, tetapi syarikat-syarikat saham atau syarikat-syarikat yang melanggan mutual fund ini, bolehkah seperti apa yang dikatakan tadi oleh Yang Berhormat dari Teluk Intan melindungi atau memberi perlindungan investor protection seperti yang saya sebutkan tadi. Investor protection atau perlindungan kepada pelabur-pelabur dengan memberitahu mereka risiko sebenarnya yang dihadapi. Saya rasa itu sangat penting, kerana kalau

mereka tidak tahu mereka termakan dengan iklan-iklan yang dibawa ataupun dari segi teori akta ini. Saya rasa apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Teluk Intan akan berlaku.

Yang kedua, dalam keadaan inflasi yang saya sebutkan tadi, adakah Yang Berhormat sebagai seorang pakar ekonomi bersetuju bahawa pembekuan gaji yang dijalankan sekarang adalah tidak membawa manfaat kepada golongan menengah dan kalau kita baca surat khabar pada hari ini bahawa semua barangan asas akan naik, baik ayam, gula, tepung semua akan naik. Ini adalah satu kesan yang sangat buruk sekali. Jadi, bolehkah kita pastikan sekarang bukan sahaja untuk Kumpulan C dan D, tetapi untuk A dan B, pembekuan ini akan dibatalkan dan kenaikan hanya sekadar kenaikan inflasi. Ini sangat penting, kerana saya takut majikan swasta akan mengambil kesempatan untuk sama-sama membeku atau mengurangkan gaji bagi pekerja mereka. Sekian.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, banyak cara untuk kita wujudkan investor protection. Itu adalah soalan yang pertama, itu kalau Yang Berhormat tengok di bawah ASB, ASB ia menggunakan rizab yang dibuatkannya dalam masa 'boom' iaitu ia mempertahankan pada RM1, apa terjadi pun RM1, tetapi itu akan mengurangkan pendapatan. Kalau nilai ASB naik RM1.50 sen pun RM1 juga kalau investor hendak bayar. Yang Berhormat juga belajar ilmu ekonomi, Yang Berhormat minta absolute answer, tidak bolehlah hendak beri. Jadi, tentang soal hendak labur, hendak simpan wang, saya fikir rakyat Malaysia mengetahui akibatnya tentang pelaburan ini.

Saya setuju juga kalau katalah kita membuat kempen di kawasan saya di Kuala Nerang atau di Kubang Kerian, di mana orang tidak tahu mengenai penyimpanan. Itu perlu kita buat. Kita perlu memberi amaran kepada orang, kalau labur ini risikonya. Ini, saya setuju, tetapi untuk keseluruhan masyarakat pelabur Malaysia mereka mengetahui tentang hakikat ini. Jadi, ini akan diambil perhatian, misalannya dalam keadaan masa 'boom time' - tidak ada masalahlah, semua naik. Tetapi di dalam keadaan macam ini, kita boleh bercakap, tetapi persoalannya baru ditimbulkan. Apakah perbezaan di antara penabungan dan pelaburan, itu perlu diberitahu kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kepong menanyakan mengenai dengan kemajuan dan bilangan Syarikat-syarikat Insurans Luar Pesisir. Dia bercakap banyak mengenai dengan performance ataupun prestasi Labuan selepas dia melawat Labuan bersama saya beberapa bulan yang lalu dan dia telah mempelajari banyak mengenai IOFC, sekarang dia cuba menguji pengetahuannya mengenai IOFC. Jadi,.....

Tuan Lim Guan Eng: Tentang Labuan, sungguhpun itu jawapan kepada Yang Berhormat Kepong, tetapi apa yang saya sebutkan tadi ialah mengenai Labuan Security.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Ya.

Tuan Lim Guan Eng: Di mana salah satu daripada lima syarikat adalah Labuan Security.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Ya.

Tuan Lim Guan Eng: Kalau saya tidak silap hanya satu Syarikat Sekuriti sahaja di Labuan.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Ya.

Tuan Lim Guan Eng: Kalau Syarikat Sekuriti ini pun menghadapi sekatan seperti yang diumumkan oleh BSKL. Bukankah ini membawa satu gambaran yang tidak baik kepada usaha kerajaan untuk mewujudkan pasaran sekuriti offshore?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Labuan Securities beroperasi di bawah Industry Securities Act. Ini yang akan saya jawab pada minggu hadapan. Ia beroperasi di bawah Security Industry Act.

Tuan Lim Guan Eng: Ya.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Jadi, itu saya akan jawab.

Tuan Lim Guan Eng: Saya bersetuju bahawa ini di bawah IOFC. Ini offshore.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Ya.

Tuan Lim Guan Eng: Yang satu lagi ialah tentang SIA. Tetapi keduanya pun di bawah Suruhanjaya Sekuriti.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Ya, IOFC.....

Tuan Lim Guan Eng: Itulah saya rasa....

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Ya.

Tuan Lim Guan Eng: macam ada pertindihan di sini, kerana ada.....

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tidak - tidak, kalau Yang Berhormat dengar saya punya.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat perbincangan kita tidak kena ya. Yang Berhormat kena minta jalan dahulu.

Tuan Lim Guan Eng: Baik, saya minta jalan.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Kalau Yang Berhormat mendengar.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Tetapi dia tidak duduk.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: saya punya pembentangan mengenai IOFC yang kita hendak buat Bursa International di Labuan ini, ia mempunyai universe of activity yang berlainan iaitu international. Labuan Securities, ia hanya memberi khidmat kepada pelabur-pelabur dalam negeri, cuma ia dipusatkan di Labuan, itu sahaja yang berbeza.

Tuan Lim Guan Eng: Saya tahu. Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya hendak bangkitkan ialah kalau Labuan Securities yang bertempat di Labuan menghadapi masalah, macam mana kita boleh memberikan keyakinan kepada pelabur-pelabur tentang Offshore Security yang kita hendak dirikan ini. Itulah yang saya hendak tanya sejauh manakah keadaan Labuan Securities ini dan juga lima syarikat sekuriti yang lain. Bagaimana gawat atau bagaimana lemah kedudukan kewangan mereka dan tadi Yang Berhormat tidak menjawab soalan saya mengenai gaji ini.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Labuan Securities juga ia mempunyai kelemahan sepertimana empat yang lain. Misalannya di dalam soal kecukupan modal dan lain-lain, ini kita akan tangani dalam dua akta yang dibentangkan pada minggu hadapan.

Tuan Lim Guan Eng: Jawab sekaranglah.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Sekarang tidak boleh jawab.

Saya hendak jawab sebab satu daripadanya Yang Berhormat tahu dalam akhbar pun ada disebut mengenai dengan 'ketidakcukupan modal' - okay, mengenai dengan cash flow problem, itu sebabnya orang.....

Tuan Lim Guan Eng: Berapa banyak cash flow problemnya?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Itu saya tidak beritahu secara detaillah, nanti saya akan beritahu pada minggu hadapan - okay.

Yang Berhormat dari Kepong juga hendak mengetahui mengenai dengan syarikat insurans, dia kata tidak ada perkembangan. Ingin saya nyatakan di sini bahawa sehingga 31 Disember 1996, sebanyak 11 lesen insurans luar pesisir telah diluluskan untuk menjalankan aktiviti berkaitan dengan insurans di Labuan. Ini merupakan pertambahan sebanyak 84% kalau dibandingkan pada tahun 1995. Sehingga kini lebih 20 lesen telah dikeluarkan dan ini merupakan perkembangan yang sangat menggalakkan untuk industri insurans di Labuan.

Yang Berhormat dari Kepong juga membangkitkan mengenai pusat kewangan Islam. Saya mengucapkan berbilang terima kasih kerana Yang Berhormat dari Kepong telah pun mempunyai keyakinan penuh tentang keadilan 'Qardul Hassan' di dalam sistem kewangan Islam. Sebenarnya Yang Berhormat dari Kota Melaka dan Teluk Intan kena sokong, kerana ini merupakan satu penyamaan (egalitarian system of financing).

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Kepong, apakah tindakan kerajaan untuk mewujudkan aktiviti kewangan secara Islam di Labuan. Saya ingin memberitahu bahawa LOFSA sedang dalam proses penubuhan Pusat Pasaran Kewangan Islam Luar Pesisir di Labuan ataupun dipanggil dengan nama A-L-L-I-M - ALLIM. Setakat ini ada dua instrumen kewangan Islam diperkenalkan iaitu 'Adil Fund' dan 'Ibni Batuttah Fund' yang sedang beroperasi secara permulaan di Labuan. Jadi, kalau Yang Berhormat ada duit lebih daripada practise medicine, Yang Berhormat hendak labur secara Islam di Labuan, jadi Yang Berhormat dialu-alukan (welcome).

Yang Berhormat dari Kepong juga menyentuh mengenai sama ada Labuan akan menjadi pusat IOFC terunggul. Memang kita mengharapkan begitu. Yang Berhormat apabila diberi taklimat oleh pegawai-pegawai kita di Labuan tentu sedia maklum bahawa segala usaha yang dibuat untuk memastikan bahawa Labuan menjadi satu pusat IOFC dengan bantuan-bantuan pembangunan fizikalnya, termasuk pembinaan satu kampus ataupun cabang kampus yang sedang dirancangkan sekarang, peningkatan industri tourism dan peningkatan industri-industri lain.

Kita sedia maklum bahawa satu masalah di Labuan ialah tidak wujudnya 'trash whole population' untuk memastikan satu critical mass, yang akan mencetuskan kuasa membeli ataupun volume pembelian dan penjualan. Kita sedia maklum, kita telah melawat semua itu dan dengan adanya kampus, adanya lain-lain cara untuk menarik orang yang membelanja wang, yang melabur wang ke dalam Labuan, maka insya-Allah critical mass itu akan tercapai.

Ahli Yang Berhormat dari Tuaran apabila meminta penjelasan dari Kepong, beliau bertanya adakah kerajaan bersetuju untuk mengambil tindakan kepada semua individu yang sabotaj ekonomi negara. Setakat ini mengikut siasatan kita tidak ada bukti. Ya, Yang Berhormat dari Kota Melaka pun bertanya begitu. Saya pun terjerumus ke dalam masalah itu apabila saya ditanya oleh pemberita pada hari kita menyambut Kemerdekaan dahulu.

Saya mendengar khabar angin di dalam pasaran juga mengatakan individu ini, individu itu telah mensabotaj melalui penjualan short selling kepada George Soros. Saya kata perkara ini akan disiasat, jadi telah pun dijalankan siasatan oleh Bank Negara dan Bank Negara telah memberi laporan kepada Kementerian Kewangan, tidak ada bukti yang menunjukkan bahawa orang-orang yang disebut di dalam tuduhan dan dakwaan itu telah melakukan perkara-perkara yang kita spekulasikan.

Tuan Lim Guan Eng: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Kota Melaka bangun lagi Yang Berhormat.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Ya.

Tuan Lim Guan Eng: Kalau begitu saya ingin bertanya adakah Suruhanjaya Sekuriti dan juga Bank Negara telah memberikan nasihat kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa kita harus dengan izin, designate 100 index securities dengan menetapkan perdagangan dihadkan kepada D+2. Adakah nasihat ini dibuat dengan restu oleh pihak Bank Negara dan Suruhanjaya Sekuriti atau ia dibuat tanpa mendapat kelulusan ataupun restu daripada kedua-dua badan ini.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu mengenai apa yang berlaku di dalam ini. Tetapi Yang Berhormat perkara ini telah pun menjadi history, selepas didesignate 100 kaunter itu, ditarik balik. Jadi, perkara ini siapa yang membuat itu, membuat ini, I don't have the answer, I don't have the knowledge, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, masalah tenaga kerja yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong, memang kita ada masalah tenaga kerja sepertimana yang saya katakan tadi iaitu masalah atau problem trash whole population. Jadi, LOFSA dengan Labuan Development Authority (LDA) telah mencadangkan pihak universiti tempatan supaya membuka cawangan di Labuan dan juga macam saya katakan tadi, mewujudkan pusat-pusat tarikan pelancong-pelancong untuk datang ke Labuan.

Yang Berhormat dari Kepong bertanya siapakah yang monitor LOFSA? Sepertimana Yang Berhormat sedia maklum di dalam struktur organisasi LOFSA, ianya dikawal oleh satu lembaga pengarah yang terdiri dari wakil-wakil daripada kementerian-kementerian yang menjalankan kerja-kerja mengawalselia di dalam bidang ini. Misalannya di dalam lembaga pengarah ahli-ahlinya terdiri daripada wakil sektor awam pun ada, swasta pun ada. Ahli-ahli lembaga pengarah daripada agensi kerajaan iaitu dari Bank Negara Malaysia, Registrar of Companies, Security Commission, Kementerian Kewangan dan lain-lain yang saya sebut tadi. Inilah mekanisme pengawalan LOFSA yang mana kalau Yang Berhormat lihat mereka mempunyai pertalian terus kepada regulatory agensi kerajaan masing-masing iaitu Bank Negara, Kementerian Kewangan, ROC. Jadi ini ada kaitan dengan pengawalan undang-undang yang wujud. Seperti Yang Berhormat sedia maklum bahawa operasi mereka adalah di bawah Akta LOFSA sebagaimana yang kita sedia maklum dan juga Akta IOFC.

Ahli Yang Berhormat dari Labuan membangkitkan beberapa isu mengenai dengan syarikat amanah. Banyak isu yang dibangkitkan, saya ingin menjawab beberapa isu yang relevan iaitu apakah Syarikat Amanah Labuan tidak mendapat faedah apabila akta ini diimplimentasikan? Jawapannya ialah Syarikat Amanah Labuan mendapat beberapa insentif seperti 50% potongan cukai, fee tahunan hanya RM200. Di bawah Akta ini mereka boleh menjadi pemegang Amanah Dana Awam iaitu mutual fund dan memberikan custodian services, dengan izin tanpa perlu memohon lesen yang lain, lesen yang lama itu boleh dipakai untuk menjalankan kerja-kerja yang saya sebut tadi.

Ahli Yang Berhormat dari Labuan juga telah bertanya apakah Syarikat Amanah di IOFC Labuan diberi kawalan ketat berbanding dengan kawalan ke atas Syarikat IOFC-IOFC yang lain? Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Syarikat Amanah Labuan diberi kawalan yang ketat kerana mereka adalah agen kepada Syarikat Luar Pesisir. Jadi, kesedaran ini kita ada. Semua dokumen berkenaan dengan penubuhan syarikat tersebut hendaklah disemak atau vated, dengan izin oleh Syarikat Amanah tersebut. Mereka adalah watch dog, dengan izin untuk LOFSA dan membantu LOFSA mengawasi Syarikat Luar Pesisir. Jadi, sebagaimana yang kita sebut dahulu saya ada membawa satu pindaan rang undang-undang untuk memberi kuasa-kuasa yang lebih kepada Syarikat-syarikat Amanah Luar Pesisir di Labuan.

Ahli Yang Berhormat dari Labuan juga menyatakan bahawa definisi mengenai dengan dana awam tidak masuk definisi dana secukupnya, sepertimana yang dikehendaki di dalam mengawasi ataupun menjalankan small private fund. Dana awam dan dana persendirian adalah didefinisikan dengan jelas di dalam akta ini dan diminta Ahli Yang Berhormat menyemak semula dan jikalau ianya tidak mencukupi

Kementerian Kewangan melalui kuasa Menteri sepertimana yang tersebut tadi boleh memperluaskan definisi tersebut jika keadaan memerlukannya, kita akan menyatakan ataupun mengubah undang-undang ini.

Ahli Yang Berhormat dari Labuan menyatakan bahawa rang undang-undang tidak menyebut jangka waktu, transisi (transition period), dengan izin. Ingin saya memberi tahu bahawa semua dana yang telah diterbitkan mesti didaftarkan di bawah akta ini dalam masa 6 bulan dari tarikh akta ini dikuatkuasakan sepertimana yang tersebut di bawah Seksyen 55 Akta ini dan pengenalan duti setem hanya untuk aktiviti luar pesisir sahaja.

Ahli Yang Berhormat ada bertanya mengenai dengan pengecualian duti setem dan duti setem ini dikecualikan untuk aktiviti luar pesisir sahaja dan pindah milik saham Syarikat Luar Pesisir bukannya aktiviti luar pesisir. Jadi, ianya tidak dikecualikan duti setem kerana usaha memindah saham-saham tidak merupakan aktiviti luar pesisir, maka dia kena duti setem. Kerajaan boleh mengkaji jika ia betul-betul perlu untuk mengecualikan duti setem di dalam usaha untuk memindah saham.

Ahli Yang Berhormat dari Labuan juga menyatakan bahawa rang undang-undang ini membuat LOFSA tidak dapat teliti Syarikat Offshore iaitu yang berdaftar di luar Labuan. Jawapannya ialah akta ini menghendaki Syarikat Dana Luar Pesisir Labuan beroperasi di luar Labuan supaya memfailkan certificate of compliance, dengan izin menurut Seksyen 20 peruntukan akta ini. Tujuannya ialah memastikan bahawa ianya menjalankan perniagaan yang sah dan selain daripada itu syarikat itu perlu diaudit setiap tahun oleh mekanisme pengauditan yang diterima oleh LOFSA.

Yang Berhormat juga mencadangkan mengenai dengan koordinasi tiga agensi, iaitu Labuan Development Authority (LDA), LOFSA dan juga Town Council Labuan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dalam masa ini kerajaan sedang dalam peringkat akhir kajian untuk menggabungkan ketiga-tiga agensi ini iaitu LDA, LOFSA dan Majlis Perbandaran Labuan di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Rompin menyebut tentang isu pembeli terkecuali. Ingin saya nyatakan bahawa kerajaan akan meneliti keberkesanan seksyen 29(8)(a)(iii) tersebut setelah ianya berkuatkuasa dan kerajaan akan meminda peruntukan seksyen itu jika difikirkan perlu. Pada masa ini Security Commission adalah penguasa untuk security domestic, oleh itu ianya wajar mengusulkan kepada Menteri Kewangan tentang siapa yang layak diberi status pembeli terkecuali di kalangan pemastautin di Malaysia, tambahan pula perkara ini melibatkan isu dalam pasaran domestik. Selain dari itu Labuan tidak boleh dijadikan back door entrance ke dalam pasaran domestik, sebab itulah pihak Security Commission (SC) yang terlibat di dalam seksyen ini semata-mata untuk menjaga kebajikan ataupun kepentingan pelabur-pelabur domestik. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua saya akhiri jawapan saya kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, rakan-rakan yang telah mengambil bahagian tadi, apa-apa yang tidak termasuk dalam jawapan saya akan diambil perhatian untuk membaiki pentadbiran dan pengurusan Labuan (LOFSA) ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan.

Masalahnya ialah Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]
mempengerusikan Jawatankuasa]

Fasal 1 hingga 28 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 29 -

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Pengerusi, saya mohon membuat cadangan supaya Rang Undang-undang ini dipinda sebagaimana yang dinyatakan dalam kertas pindaan yang telah diedarkan terlebih dahulu.

Teks Bahasa Kebangsaan adalah seperti berikut:

Subperenggan 29(8)(a)(iii) Rang Undang-undang dipinda dengan memasukkan selepas perkataan "Sekuriti," perkataan "selepas berunding dengan Lembaga,".

Teks bahasa Inggeris adalah seperti berikut:

Subparagraph 29(8)(a)(iii) of the Bill is amended by inserting after the word "Commission," the words "after consultation with the Authority."

Pindaan subperenggan 29(8)(a)(iii) adalah menghendaki Suruhanjaya Sekuriti berunding dengan Lembaga sebelum memberikan syor kepada Menteri tentang pengisytiharan pemberi terkecuali.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam kertas pemberitahu yang telah dibentangkan sekarang ini terbuka untuk dibahas.

[Tiada perbahasan]

Ahli-ahli Yang Berhormat masalahnya bahawa pindaan sepertimana yang dicadangkan sebagaimana yang dinyatakan di dalam kertas pemberitahu hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Subperenggan 29(8)(a)(iii) Rang Undang-undang dipinda dengan memasukkan selepas perkataan "Sekuriti", perkataan "selepas berunding dengan Lembaga".

The English translation is as follows:

Subparagraph 29(8)(a)(iii) of the Bill is amended by inserting after the word "Commission", the words "after consultation with Authority".

Fasal 29 sepertimana dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 30 hingga 56 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Masa sudah cukup untuk hari ini, kita sambung pada hari Isnin, minggu hadapan.

Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang hari Isnin.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.